



**PERANAN RAJA DAN PEMBESAR DALAM TEKS *BUSTAN-AL-SALATIN*  
BERDASARKAN PENDEKATAN *AL-NAFS AL-MUTHMA'INNAH AL-*  
*GHAZALI***

Oleh

**ROHAYU MAT RANI**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor  
Falsafah

**Disember 2018**

**FBMK 2018 101**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PERANAN RAJA DAN PEMBESAR DALAM TEKS *BUSTAN AL-SALATIN*  
BERDASARKAN PENDEKATAN *AL-NAFS AL-MUTHMA'INNAH AL-*  
*GHAZALI***

Oleh

**ROHAYU MAT RANI**

**Disember 2018**

**Pengerusi : Arba'ie Bin Sujud, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan komunikasi**

Kajian ini menganalisis peranan raja dalam teks *Bustan al-Salatin* (bab ke-3) menggunakan pendekatan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali. Selain itu, menganalisis peranan pembesar dalam teks *Bustan al-Salatin* menggunakan pendekatan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali. Seterusnya, kajian juga menganalisis perbandingan peranan raja dan pembesar dalam *Bustan al-Salatin* berdasarkan pendekatan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali. Kajian ini bertitik tolak bahawa persoalan keimanan yang tinggi dan teguh dalam diri golongan raja dan pembesar mempengaruhi keberkesanan sesuatu peranan yang dimainkan. Bagi memenuhi objektif kajian tersebut, pendekatan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali digunakan sebagai kayu ukur dalam menilai tahap keimanan dalam diri seseorang raja dan pembesar dalam teks *Bustan al-Salatin*. *Al-Nafs al-Muthma'innah* adalah ukuran diri yang sempurna serta memiliki kawalan iman yang kuat dan teguh. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat enam peranan yang dimainkan oleh raja dalam teks kajian iaitu, raja berperanan sebagai hamba Tuhan, pemegang amanah khalifah, ahli ibadat, ketua pemerintah, ketua agama dan pelindung. Manakala bagi empat jawatan pembesar yang ditemui dalam kajian ini ialah *kadhi* sebagai hakim, wazir sebagai penasihat raja, utusan sebagai wakil raja dan katib sebagai jurutulis raja. Kajian ini juga mendapati empat aspek perbandingan peranan raja dan pembesar berdasarkan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali iaitu, dari pembersihan jiwa (taubat), kepatuhan dan ketundukan kepada perintah Allah SWT, penentangan terhadap nafsu syahwat dan pengisian jiwa dengan sifat terpuji (mahmudah). Hasil dapatan juga mendapati bahawa raja-raja yang memiliki tahap keimanan yang tinggi dan teguh mampu memainkan peranan dengan berkesan. Manakala, golongan pembesar pula, tidak semua jawatan pembesar mampu menjalankan peranannya dengan baik, kerana kurang dan

lemah tahap keimanan dalam diri menyebabkan sesuatu peranan tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctoral of Philosophy

**THE ROLE OF KINGS AND DIGNITARIES IN TEXT OF *BUSTAN AL-SALATIN*  
BASED ON *AL-NAFS AL-MUTHMA'INNAH* AL-GHAZALI'S APPROACH**

By

**ROHAYU MAT RANI**

**Disember 2018**

**Chairman : Arba'ie Bin Sujud, PhD  
Faculty : Modern Languages and Communication**

This research analyse the roles of kings and dignitaries based on sources from *Bustan al-Salatin* using the approach from of *al-Nafs al-Muthma'innah* by Imam al-Ghazali. Hence, this research is to compare the differences between the roles of kings and dignitaries using the stated source and approach. *Al-Nafs al-Muthma'innah* is an approach that applies the measurement of oneself as a whole and the control and the control of faith stimuli. This research postulates that the faith level among kings and dignitaries affect the effectiveness of their roles. In order to achieve the research's objectives, the approach from *al-Nafs al-Muthma'innah* by Imam al-Ghazali has been used to measure the value of faith level among kings and dignitaries from the source of *Bustan al-Salatin*. Findings from this research show that there are six main roles rules by the kings. There are king as the servant of God, trustee of caliph, woshippers, government ruler, religious leader and protectors. Whilst, this study also found that there are comparison to make for the role of the king and the dignitaries, which are soul fulfillment, subject to orders, nafs resistance and soul of mahmudah. The findings of this research discovered that kings with strong, firm and optimum level of faith able to hold their position efficiently, as well as among the dignitaries. However, not all dignitaries able to undertake wholeheartedly the responsibilities given to the if they have weak and low level in their soul.

## **PENGHARGAAN**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, syukur dan segala puji-pujian saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dia adalah yang berhak menerima pujian itu, iaitu Allah, dan hanya kepada-Nya kita bermohon pertolongan. Demikian jugalah, dengan taufik dan hidayah Allah ini jualah, saya dapat menyempurnakan tesis yang bertajuk “Peranan Raja dan Pembesar dalam Teks *Bustan al-Salatin* berdasarkan pendekatan *al-Nafs al-Muthma’innah* al-Ghazali.”

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis iaitu Prof. Madya Dr. Arba’ie Sujud, Prof. Madya Dr. Mohd Zariat Abdul Rani dan Prof Madya Dr. Salmah Jan Noor Muhammad yang sentiasa memberi sokongan dan komitmen yang jitu serta tunjuk ajar yang sangat berguna dalam menghasilkan tesis ini walaupun pelbagai halangan dan cabaran yang telah diatasi. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang juga turut membantu secara tidak langsung dalam penghasilan tesis ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan pustakawan-pustakawan Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan pelbagai pihak lain yang terlibat secara tidak langsung yang telah banyak membantu saya dalam pengumpulan maklumat bagi memantapkan penyelidikan ini.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga buat suami tercinta Mohd Aminukusni, buat abah dan ma yang disayangi, Mohd Ruwaidi dan Abd Halim serta adik beradik yang diingati. Harapan dan sokongan kalian menjadi pembakar semangat untuk saya meneruskan langkah ke depan demi menyelesaikan kajian ini. Sesungguhnya, kalian semua adalah sumber kekuatan dan semangat juang untuk saya terus mencapai kejayaan dan kecemerlangan hidup dunia dan akhirat.

Sekian.

**Rohayu Mat Rani**

**Taman Citra Wawasan**

**Shah Alam, Selangor**

**2 Januari 2022**

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Arba'ie Sujud, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Salmah Jan Noor Muhammad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Mohd Zariat Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIF, PhD**

Profesor Dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 Julai 2021

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan dalam (bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Rohayu binti Mat Rani

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

Prof. Madya Dr. Salmah Jan Noor  
Muhammad

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

Prof. Madya Dr. Mohd Zariat Abdul  
Rani

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Page</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SINGKATAN</b>	xii
 <b>BAB</b>	
 <b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Kedudukan Raja dan Pembesar Melayu	9
1.2 Penyataan Masalah	16
1.3 Objektif Kajian	18
1.4 Batasan Kajian dan Pemilihan Bahan	19
1.5 Kepentingan Kajian	22
1.6 Definisi Konsep dan Operasional	23
1.6.1 Peranan	23
1.6.2 Raja	24
1.6.3 Pembesar	27
1.6.4 Unsur Rohani dan Hubungannya dengan <i>Al-Nafs</i>	29
1.7 Definisi Konsep dan Operasional	35
 <b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pendahuluan	39
2.1.1 Kajian Terdahulu Tentang Raja dan Pembesar	39
2.1.2 Kajian Berkaitan Pendekatan <i>Al-Nafs al-Muthma'innah</i>	44
2.2 Kesimpulan	46
 <b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	48
3.1.1 Kaedah Kepustakaan dan Menganalisis Teks	48
3.1.2 Justifikasi Pemilihan <i>Al-Nafs al-Muthma'innah</i> al-Ghazali	49
3.1.3 Pengertian <i>Al-Nafs al-Ghazali</i> (Hakikat Diri Manusia)	51
3.1.4 Model Pendekatan <i>Al-Nafs al-Muthma'innah</i>	54
3.1.4.1 Pembersihan Jiwa (Taubat)	57
3.1.4.2 Kepatuhan dan	

	Ketundukan kepada Perintah Allah SWT	60
3.1.4.3	Penentangan Terhadap Nafsu Syahwat (Mujahadah)	62
3.1.4.4	Pengisian Jiwa dengan Sifat-Sifat Terpuji (Mahmudah)	63
3.1.5	<i>Al-Nafs</i> dan Hubungannya dengan Pembentukan Akhlak	65
3.2	Kesimpulan	66
3.2.1	Kerangka Model	69
3.2.2	Kerangka Konseptual	70
<b>4</b>	<b>ANALISIS PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pendahuluan	71
4.2	Peranan Raja Berdasarkan <i>Al-Nafs al-Muthama'innah</i> dalam <i>Bustan al-Salatin</i>	71
4.2.1	Raja Sebagai Hamba Tuhan	72
4.2.2	Raja Sebagai Pemegang Amanah Khalifah	80
4.2.3	Raja Sebagai Ahli Ibadat	86
4.2.4	Raja Sebagai Ketua Pemerintah	90
4.2.5	Raja Sebagai Ketua Agama	94
4.2.6	Raja Sebagai Pelindung	99
4.3	Peranan Pembesar Berdasarkan <i>Al-Nafs al-Muthama'innah</i> dalam <i>Bustan al-Salatin</i>	104
4.3.1	<i>Kadhi</i>	105
4.3.1.1	Kadhi Sebagai Hakim	106
4.3.2	<i>Wazir</i>	111
4.3.2.1	Wazir Sebagai Penasihat Raja	111
4.3.3	<i>Utusan</i>	121
4.3.3.1	Utusan Sebagai Wakil Raja	121
4.3.4	<i>Katib</i>	126
4.3.4.1	Katib Sebagai Jurutulis Raja	127
4.4	Perbandingan Peranan Raja dan Pembesar Berdasarkan <i>Al-Nafs al-Muthma'innah</i> dalam <i>Bustan al-Salatin</i>	130
4.4.1	Pembersihan Jiwa (Taubat)	130
4.4.2	Kepatuhan dan Ketundukan kepada Perintah Allah SWT	134
4.4.3	Penentangan Terhadap Nafsu Syahwat (Mujahadah)	137

4.4.4 Pengisian Jiwa dengan	
Sifat-Sifat Terpuji (Mahmudah)	140
4.5 Kesimpulan	147
<b>5 KESIMPULAN</b>	<b>148</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>165</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
<b>BIODATA PELAJAR</b>	
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	

## SENARAI SINGKATAN

BS	<i>Bustan al-Salatin</i>
SWT	Subhanahu Wa Taala
SAW	Sallallahu Alaihi Wasallam
NR	Nuruddin al-Raniri
SIT	Sultan Iskandar Thani
IU	<i>Ihya' Ulumuddin</i>
MFR	<i>Mirrors For Rulers</i>

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Sistem pentadbiran dan pemerintahan dalam sesebuah negara merupakan asas penting yang menjadi satu medan kepada golongan pemimpin mencorakkan idea dan buah fikiran dalam menentukan sesuatu hala tuju dan matlamat negaranya terlaksana. Seperti yang diketahui umum, sistem pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara banyak terdapat dalam hasil karya sastera Melayu tradisional yang mana kebanyakannya sesuatu sistem yang menjadi prinsip dan amalan politik mencerminkan kedudukan sebenar perjalanan sesuatu organisasi pemerintahan. Ulama-ulama silam seperti Ibn Khaldun (*Muqaddimah*), Ibn Qayyim (*al-Turuq al-Hukmiyyah*), al-Mawardi (*al-Ahkam al-Sultaniyyah*) dan ramai lagi memberi sumbangan besar dalam menukikan sistem pentadbiran yang berlandaskan Islam dalam hasil kitab mereka.

Antara hasil karya yang banyak mengetengahkan sistem pentadbiran dan pemerintahan dalam sesebuah negara di alam Melayu salah satunya merujuk kepada karya ketatanegaraan. Kitab-kitab yang terhasil kebanyakannya ditarung oleh ulama-ulama terkenal yang mempunyai idea dan pemikiran politik yang bercirikan kepimpinan dalam Islam. Antaranya ialah Tun Sri Lanang (*Sejarah Melayu*), Raja Ali Haji (*Tuhfat al-Nafis*), Bukhari al-Jauhari (*Taj al-Salatin*), dan Nuruddin al-Raniri (*Bustan al-Salatin*).

Kewujudan karya ketatanegaraan Melayu berkait rapat dengan perkembangan agama Islam di alam Melayu. Kesan kedatangan Islam di alam Melayu telah mencorakkan gaya yang tersendiri terhadap pembentukkan genre sastera ketatanegaraan. Sastera ketatanegaraan merupakan satu ruangan khusus mencorakkan institusi pentadbiran ke arah kehendak dan hasrat dari ajaran Islam.

Kitab-kitab ini dihasilkan sebagai buku panduan dan tatacara pemerintahan kepada golongan raja dan pembesar dalam mendidik jiwa golongan raja dan pembesar mengikut acuan Islam. Oleh kerana pengaruh Islam dominan terkandung dalam genre tersebut telah membawa masuk pengaruh karya “Mirrors for Rulers” yang lahir dari tradisi Islam yang berkembang di alam Melayu sejak dari awal kedatangan Islam di Nusantara. Kebanyakan sarjana berpendapat buku-buku ketatanegaraan ditulis untuk tujuan memberi garis panduan kepada pemerintah agar dapat menjalankan pemerintahan dengan baik selaras dengan ajaran Islam.

Oleh kerana prinsip karya ketatanegaraan bersifat “Mirror For Rulers” iaitu dari Parsi memperlihatkan nilai ajaran Islam yang menekankan konsep sejarah dunia yang mempunyai kaitan rapat dengan ciri-ciri historiografi Islam. Kerangka ini yang menjadi teras dalam tradisi keilmuan Islam sehingga mempengaruhi pengarang kitab ini ‘memadukan’ konsep historiografi Islam dengan sistem kepercayaan dan pemikiran orang Melayu (Jelani Harun, 2003:48). Tambahan lagi, Jelani Harun menyifatkan karya-karya ketatanegaraan membicarakan persoalan ketinggian “adab” yang dimiliki dan diwarisi oleh kesultanan Melayu. Kewujudan karya adab ketatanegaraan hasil cernaan pemikiran dan pengalaman pengarang yang mempunyai kedudukan tertentu di istana sama ada sebagai ulama, penasihat atau pembesar istana dalam mendidik adab raja-raja agar bertepatan dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam ajaran Islam. Persoalan “adab” inilah yang menjadi initipati penting dalam kalangan penulis Melayu zaman silam apabila membicarakan peranan dan tanggungjawab manusia sama ada golongan pemerintah dan juga rakyat biasa. Oleh kerana “adab” merupakan pengukuhan untuk membentuk jalinan hubungan antara raja dan pembesar dengan rakyatnya, apabila persoalan keadilan yang menjadi asas utama bagi mewujudkan hubungan yang baik dan harmonis antara kedua pihak tersebut.

Jelani Harun (2001:56) menyifatkan bahawa karya adab ketatanegaraan dikenali sebagai buku panduan adab pentadbiran negara kepada raja-raja dan para pembesar di alam Melayu. Gaya Penulisan adab yang sedemikian pada asalnya telah berakar umbi dalam tradisi kesusasteraan Arab sejak zaman pra Islam lagi. Tradisi kesusasteraan tersebut kemudian berkembang pesat dalam kesusasteraan Parsi, khususnya dalam konteks adab untuk raja-raja, dengan kelahiran genre yang umumnya dikenali sebagai “Mirrors for Princes”.

Dalam genre ini, raja-raja dan pembesar-pembesar istana diberi pelbagai nasihat dan panduan tentang pentadbiran negara oleh para penasihat dan sasterawan istana termasuk melalui petikan cerita-cerita sejarah, didaktik, hikayat dan agama, sebagai iktibar dan pedoman untuk mereka melaksanakan urusan pemerintahan negara dengan adil dan bijaksana. Menasihati raja-raja perlu dilakukan dengan penuh hikmah dan adab sopan. Perkembangan karya "Mirror For Princes" dalam kesusasteraan Melayu ditandai dengan kemunculan karya-karya ketatanegaraan yang digolongkan oleh Braginsky (1993:55) sebagai karya "cermin" atau "hidayat". Tegasnya, semua peraturan dan panduan yang menjadi penekanan konsep karya ketatanegaraan tersebut terarah bagi tujuan mengukuhkan kedudukan dan kekuasaan raja agar ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi oleh rakyat terpenuhi dengan baik.

Kebanyakan sistem pentadbiran sesebuah kerajaan yang digubah dalam karya-karya tersebut akan dibukukan untuk panduan semasa dan juga generasi selepasnya. Dalam hal ini, ulama-ulama Nusantara juga tidak terlepas daripada menghasilkan karya-karya yang membuktikan kewujudan sistem pentadbiran dan pemerintahan yang beridentitikan ciri-ciri Islam kesan dari pengaruh *MFR* yang dibawa masuk ke dalam Nusantara. Misalnya, karya-karya agung yang pernah dihasilkan di alam Melayu yang memberi sumbangan besar dalam catatan sejarah perkembangan sistem pemerintahan negara ialah *NM*, *TS* dan *BS*. Dalam hal ini, Khalid M. Hussain (1992:78) menjelaskan bahawa *TS* memperlihatkan pertalian yang rapat dengan unsur-unsur agama Islam iaitu menerusi nasihat dan pengajaran khususnya nasihat-nasihat kepada pemerintah sebagai raja dan orang-orang besar yang mempunyai kuasa dalam sesebuah negeri.

Sehubungan itu, *TS* dilihat mempunyai persamaan dengan sebuah kitab dalam bahasa Arab yang bernama *Al-Taj fi-Akhlaq al-Muluk*, yang dikarang oleh seorang pengarang sastera Arab yang terkenal pada zaman pemerintahan al-Ma'mun bin Harun al-Rashid. Kitab tersebut adalah mengenai akhlak-akhlak raja-raja dan alat peraturan yang lazim diamalkan pada zaman itu, begitu juga akhlak dan adab perangai raja-raja Parsi. Tidak dapat dinafikan akan sumbangan besar yang telah digubah dalam karya-karya agung tersebut yang menonjolkan konsep ideal tentang pemikiran politik Islam dalam membantu raja dan pembesar mengendalikan sesebuah kerajaan.

Teks *NM* misalnya mengetengahkan tentang susur galur perjalanan sesebuah sistem pemerintahan yang didalamnya wujud ketua negara dan para menteri yang mentadbir. Dalam mengutarakan sistem politik yang bercirikan keislamanan, teks ini juga mementingkan nilai etika, moral dan akhlak yang perlu ada pada golongan pentadbir secara keseluruhannya meliputi sultan yang memerintah serta golongan menteri yang melaksanakan arahan sultan dan juga rakyat selaku golongan yang menurut peraturan-peraturan yang digubal oleh golongan pentadbir.

Dalam mengembangkan idealisme kepimpinan Islam, teks *NM* ini menekankan tanggungjawab raja mengurus para pentadbir dan golongan rakyat jelata. Bahkan juga tentang peranan serta tanggungjawab rakyat jelata mentaati raja dan menghormati para pentadbir yang lainnya. Sistem pentadbiran yang unik ini disokong oleh wibawa golongan pembantu yang beramanah dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Struktur susunan pangkat pembesar yang telah diceritakan dalam *NM* ialah jawatan menteri, panglima, bentara, pegawai istana, orang-orang besar, hulubalang, pentadbir kerajaan, pengutus surat raja dan orang yang memungut ufti. Sistem pentadbiran yang mengetengahkan susur galur pemerintahan yang diketuai oleh raja sebagai ketua negara ini juga dapat dilihat dalam teks *TS*. Teks ini menceritakan tentang kewibawaan seorang raja dalam melaksanakan tanggungjawabnya kepada, rakyat, pembesar dan juga negara. Sistem pentadbiran yang diketuai oleh seseorang raja ini juga turut mendapat sokongan para pentadbir bagi membantu dan melicinkan hal-ehwal negara. Terdapat enam (6) golongan pembesar dalam teks *TS* terdiri daripada menteri, hulubalang, pegawai kerajaan, panglima, bendahari dan utusan raja.

Bagi memastikan keberkesanan sistem pentadbiran negara, teks tersebut mengetengahkan syarat-syarat kelayakan bagi seseorang individu untuk memegang jawatan pembesar negara. Antaranya ialah berilmu serta berpengetahuan luas. Mereka juga mestilah terdiri dari kalangan orang yang baik dan mulia keturunannya. Sekiranya raja melantik golongan jahil serta buruk salasilah keturunan, maka ditakuti akan membawa kemudarat kepada jentera pemerintah kerana akhlak buruk mereka itu sudah pasti sedikit sebanyak akan terbawa-bawa dalam urusan pentadbiran negara.

Hadirnya karya-karya tersebut dalam dunia politik alam Melayu sebagai membekalkan garis panduan khusus terutama dalam mendidik dan membentuk jiwa golongan raja dan pembesar supaya memahami status dan

fungsinya dalam mengendalikan sesebuah kerajaan. Oleh sebab rakyat biasa tidak berupaya dalam mencorakkan sistem pemerintahan selaras dengan syariat Islam, justeru tugas tersebut adalah di bawah kuasa dan tanggungjawab golongan pemerintah dalam menentukan hala tuju negaranya. Golongan raja dan pembesar sebenarnya mempunyai peranan tertentu dalam mencorakkan kehidupan rakyatnya supaya mampu menjadi sebuah kerajaan yang utuh melaksanakan syariat Islam sesuai dengan tugas dan tanggungjawab golongan terdahulu.

Keupayaan hasil karya tersebut yang lahir dari tradisi Islam disemarakkan ke dalam bentuk karangan Diraja ditujukan untuk tujuan yang lebih tinggi dan bermakna. Kesan kedatangan Islam inilah yang telah membentuk satu gaya penulisan karya yang bercorak keislaman dalam sastera ketatanegaraan. Coraknya bukan hanya menitikberatkan amalan praktikal bersifat fakta dan undang-undang bertulis sahaja, namun demikian ianya mempunyai nilai yang amat berharga sebagai karya yang memberikan panduan membantu raja menguruskan urusan pentadbiran, bahkan lebih jauh lagi ianya menerapkan suatu prinsip ajaran dan didikan hasil dari penghayatan ajaran Islam. Hasil karya tersebut berautoriti membekalkan panduan dan nasihat kepada raja dan para pembesar supaya memahami status dan fungsinya yang utama dalam pemerintahan. Panduan yang ideal diolah bagi tujuan membantu golongan pemerintah supaya dapat memahami tugas dan tanggungjawabnya masing-masing. Sinonim dengan kedudukan itu, apakah peranan dan tanggungjawab yang telah ditentukan untuk kedua golongan pemerintah sebagai orang yang berkuasa dalam mencorakkan negaranya sama ada dari aspek pemerintahan dan juga kehidupan rakyatnya supaya mampu selari dengan ajaran Islam. Persoalan ini mendapat perhatian kajian ini dalam usaha meneliti peranan raja dan pembesar dalam teks *BS*.


Dalam menyediakan garis panduan dalam pemerintahan dan pentadbiran sebuah negara Islam, sudah tentunya intipati dan dasar utamanya adalah dicerok dari tradisi leluhur. Hal ini tercatat dalam sejarah kegemilangan dunia Islam bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan tokoh terpenting yang unggul dalam menyebarluaskan ajaran Islam ke seluruh pelusuk dunia sepanjang yang berlaku di Tanah Arab, Timur Tengah, Eropah, Asia Tenggara bahkan ke seluruh kepulauan Nusantara hingga ke Tanah Melayu. Islam yang tersebar meluas dan tumbuh subur di segenap penjuru dunia merupakan satu perjuangan akidah dan tauhid yang dibawakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam risalah kenabiannya.

Tun Suzana (2008:51) menegaskan bahawa Rasulullah SAW bukan sahaja berperanan sebagai Rasul pilihan Allah SWT untuk menyempurnakan risalah *Nubuwwah*, malahan baginda juga menjadi kepala negara atau *ulil amri* apabila Allah SWT mengurniakan kota Madinah sebagai platform untuk baginda mendirikan sebuah negara Islam, menegakkan syariat serta melaksanakan tugas dakwah dan tabligh. Baginda mempamerkan ciri-ciri kepimpinan dan negarawan yang terulung dan terunggul, mencapai keharmonian dalam menyeimbangkan kuasa dengan tuntutan keadilan dan nilai-nilai agama. Nabi Muhammad SAW dijadikan sebagai siri teladan yang baik dan berakhhlak mulia dalam memperjuangkan akidah dan tauhid yang dibawa dalam risalah kenabiannya.

Setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW, tugas sebagai kepala negara digalas oleh empat Khulafa' Ar-Rasyidin dalam sistem pemerintahan Islam. Sistem pemerintahan khalifah yang mula menjadi amalan dalam pemerintahan kerajaan Islam yang juga telah diwariskan tugas tersebut kepada pewaris-pewaris-Nya iaitu sahabat-sahabat Nabi SAW. Empat orang sahabat tersebut bermula sejak zaman Rasulullah SAW iaitu Abu Bakar yang meneruskan tradisi pemerintahan khalifah. Seterusnya tugas khalifah diteruskan pula oleh pengantinya iaitu khalifah Umar Al-Khattab, khalifah Uthman Affan dan yang terakhir diganti oleh khalifah Ali Abi Talib. Pengiktirafan pangkat khalifah yang terkait dengan kemuliaan para anbiya' dan juga empat Khulafa' Ar-Rasyidin setelah Rasulullah SAW yang menerajui tampuk pemerintahan dalam melaksanakan ketetapan hukum Allah SWT. Maka sebagai wakil Allah SWT di muka bumi ini, dalam menggantikan Rasulullah SAW dalam hal-ehwal agama dan pentadbiran urusan keduniaan, khalifah mempunyai misi yang besar dan penting iaitu menggerakkan tugas dakwah dan menegakkan syariat Islam demi menyelamatkan umat manusia dari ancaman kekufuran dan kebinasaan.

Dalam melaksanakan misi tersebut, seseorang khalifah yang mengetuai pemerintahan kerajaan Islam yang kuat akan menaungi kerajaan-kerajaan Islam yang lainnya yang baru menerima ajaran Islam. Dalam hal ini, Tun Suzana (2008:60) menyifatkan bahawa bagi kerajaan yang mempunyai sistem raja-raja, khalifah akan mengurniakan 'nobat' kepada raja itu sebagai tanda baginda kini menjadi wakil Allah SWT dan Rasul-Nya ke atas rakyat jelata dan negerinya itu. Khalifah juga akan menghantar alim-ulama' untuk membantu raja dalam menjalankan pemerintahan bercorak Islam. Raja yang memeluk agama Islam tetap dibiarkan menjadi raja dengan segala adat dan kebesaran tradisi yang dipegangnya asal saja tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Usaha ini adalah salah satu proses penyebaran Islam sebagai legasi penyambung dakwah Nabi Muhammad SAW. Warisan inilah yang menjadi pusaka tinggalan zaman-berzaman yang diwarisi dan diamalkan dalam sistem pemerintahan beraja negara Islam yang tumbuh selepasnya sebagai sebuah amanah yang dipertanggungjawabkan kepada setiap golongan raja yang memerintah sesebuah negara. Sehubungan itu, Tun Suzana Tun Othman (2008:8) menegaskan bahawa legasi pemerintahan raja-raja Islam sebagai sub-sistem atau unit-unit dari rantaiyah khalifah Islamiyyah semenjak turun-temurun. Oleh itu, selepas kedatangan Islam, pemerintahan beraja yang tumbuh di alam Melayu merupakan satu pentadbiran yang mencedok prinsip dasar dari induknya.



Rajah 1: Salasilah pertalian pemerintahan khalifah dalam Islam yang dirujuk dalam buku Tun Suzana halaman 38.

Berdasarkan rajah 1 di atas, kewujudan sistem pemerintahan yang tumbuh di alam Melayu setelah kedatangan Islam mempunyai pertalian yang kuat dengan sistem pemerintahan khalifah Islamiyyah iaitu bermula sejak zaman Nabi Muhammad SAW, diwariskan kepada para sahabat-Nya. Kewibawaan tersebut turut menjadi warisan dalam sistem pemerintahan daulah-daulah Islamiah yang muncul selepas berakhirnya era empat Khulafa' Ar-Rasyidin. Lalu kewibawaan itulah yang menjadi pusaka zaman berzaman dalam amalan pemerintahan kesultanan Melayu Islam Beraja yang semakin tumbuh menguasai alam Melayu selepas itu.

Menyedari akan hakikat sebenar kedudukan raja dan kaitannya dengan jurai kehebatan zaman kegembilangan Islam, meletakkan mereka sebagai orang yang bertanggungjawab secara langsung kepada Allah SWT. Sebagai penyambung tradisi dalam pengembangan dan pertumbuhan Islam di seluruh dunia, raja-raja dalam pemerintahan Islam memiliki segala upaya dan kebebasan dalam menyebarluaskan ajaran Islam ke atas negara bahkan kerajaan lain yang ditakluknya. Inilah bukti nyata tentang hakikat Islam adalah jalan kebenaran yang harus turut sama menjadi pegangan dan panduan hidup kepada golongan raja-raja yang memerintah negara.

### **1.1.1 Kedudukan Raja dan Pembesar Melayu dalam Pemerintahan**

Hakikatnya, bangsa Melayu dengan sejarahnya yang panjang merujuk kepada institusi beraja yang mempunyai corak pemerintahan yang sangat unik. Tun Suzana Tun Othman (2008:30) menyifatkan bahawa raja dan kerajaan dianggap suatu konsep yang saling bertaut, di mana ada raja, di situ letaknya negeri. Raja dalam sesebuah kerajaan mempunyai pengaruh dominan dalam mencorakkan kehidupan dan masa depan masyarakatnya. Hal ini tergambar dalam ungkapan berbunyi, “di mana raja di situ kerajaan”, begitulah sinonimnya kenyataan berkaitan dengan pensejarahan bangsa Melayu. Raja-raja Melayu menjadi paksi kepada rakyat jelata dalam negerinya menumpahkan ketaatsetiaan. Raja-raja Melayu adalah payung naungan kepada rakyat jelata. Sebagai payung naungan, raja-raja Melayu menjadi paksi dan tumpuan kepada rakyat jelata dalam menumpahkan junjungan dan taat setia. Sehingga sebati dalam kehidupan rakyat bahawa kata-kata raja adalah undang-undang, setiap peraturannya perlu diikuti bahkan apa sahaja hukuman yang dijatuhkan adalah satu keputusan yang muktamad. Konsep kerajaan dalam politik Melayu tradisional merujuk kepada satu organisasi besar yang dipimpin oleh raja dengan bantuan pembesar-pembesar yang menjalankan pemerintahan ke atas golongan rakyat bagi sesebuah negeri dan jajahan takluknya. Hal ini merujuk kepada Kesultanan Melayu Melaka yang telah wujud

pada abad ke-15M hingga abad ke-16M. Ia merupakan satu sistem pemerintahan yang mempunyai keunikannya yang tersendiri. Keunikannya tertumpu kepada struktur dan susunan pentadbiran yang masih lagi diamalkan oleh sebahagian negeri-negeri di semenanjung Malaysia hingga ke hari ini.

Dalam sistem ini, raja mempunyai kedudukan yang paling tinggi dalam strata pemerintahan sesebuah negara. Kerajaan Melayu Melaka yang menjadi model sistem pemerintahan negeri-negeri lain yang meletakkan raja atau sultan sebagai pemerintah tertinggi dan berdaulat. Ia kemudiannya diikuti oleh para pembesar negara yang mempunyai hierarkinya yang tersendiri. *Sejarah Melayu* misalnya membuktikan satu tamadun bangsa Melayu telah muncul yang mana teks ini memperlihatkan adanya sistem kenegaraan atau sistem beraja yang wujud seawal abad ke-12, adanya adat-istiadat yang lengkap, adanya peraturan dan undang-undang, adanya kelengkapan ketenteraan dan kawalan keamanan, adanya pemikir dan budayawan (Rogayah A.Hamid,2006:x). Kedudukan raja diperkuuhkan dengan adanya konsep daulat dalam masyarakat Melayu. Perkataan daulat berasal daripada perkataan Arab, iaitu ‘daulah’ yang bererti kerajaan/negeri. Daulat juga dikaitkan dengan soal kesempurnaan, kebolehan, keistimewaan dan kuasa politik tertinggi seseorang sultan. Ia juga bererti kekuasaan dan kewibawaan seseorang sultan yang memerintah dan kebahagiaan kepada sultan yang memerintah (Muhammad Yusoff Hashim, 1989:152.)

Selanjutnya, Muhammad Yusoff Hashim (1989:152) menyifatkan bahawa raja yang memerintah dianggap sebagai berdaulat. Dalam konteks bernegara, daulat sangat menentukan kedudukan raja di mata rakyat. Pengiktirafan rakyat terhadap daulat yang dimiliki oleh raja menentukan legitimasinya. Negeri harus diperintah oleh seseorang raja yang berdaulat. Sebab itu rakyat biasa tidak boleh menjadi raja, kerana rakyat biasa tidak mempunyai daulat. Menurut Andaya (1975:48) pula daulat ialah suatu kekuatan ghaib yang ada pada diri raja yang dibawa sejak lahir. Daulat ini semakin berkembang sesuai dengan perkembangan diri raja tersebut. Daulat ini bersifat sakral yang diberikan dan dijaga oleh Tuhan. Ia akan sentiasa bersama raja dan tidak akan tercabut dari diri raja dalam setiap keadaan. Ia juga tidak boleh dirampas atau dibuang, tetapi ia boleh diwarisi oleh anak raja tersebut. Daulat dipercayai memberi kekuatan ghaib kepada raja untuk melindungi rakyat dan mewujudkan kemakmuran.

Rakyat sangat berkehendakkan kepada raja yang tinggi daulatnya. Mereka yakin raja yang tinggi daulatnya mampu menjadikan negeri tersebut kuat, makmur dan dihormati. Kemakmuran sesebuah negeri disebabkan oleh daulat yang dimiliki oleh raja. Kejatuhan sesebuah negeri disebabkan oleh daulat yang semakin lemah. Teks historiografi Melayu banyak menceritakan tentang negeri-negeri yang kecil meminta anak raja-raja yang besar kerana dipercayai anak raja yang besar tersebut mempunyai daulat yang besar yang akan membawa kemakmuran kepada negeri mereka. Sebab itu anak raja dari Bukit Si Guntang yang dipercayai keturunan Iskandar Zulkarnain menjadi rebutan pelbagai negeri untuk dilantik menjadi raja di negeri mereka.

Dengan kewujudan daulat ini menjadikan seseorang raja mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada rakyat biasa. Kedudukan yang tinggi pula menjadikan rakyat harus “taat setia” kepada raja dalam semua keadaan. Mereka tidak boleh membantah atau melakukan sesuatu yang bertentangan dengan perintah raja. Sekiranya berlaku hal yang sedemikian, maka mereka telah melakukan perbuatan yang dianggap sebagai “derhaka”. Hal ini diperkuuhkan oleh Mahdini (1999:211-212) bahawa “derhaka” adalah “pengkhianatan” terhadap Tuhan, penguasa dan kesultanan. Jadi derhaka dalam konteks kenegaraan adalah segala bentuk sikap dan tingkah laku yang bertentangan dengan kehendak raja sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Derhaka kepada raja dipandang satu kesalahan besar yang setaraf dengan penderhakaan terhadap Tuhan. Penderhakaan terhadap raja akan menyebabkan pelakunya menerima akibat yang buruk semasa masih hidup dan setelah mati. Derhaka kepada raja adalah gambaran telah berlaku pengkhianatan kepada Tuhan yang telah mengabsahkan raja sebagai penguasa tertinggi di bumi ini. Penderhakaan ini merupakan satu kesalahan besar antara diri seseorang rakyat dengan Tuhannya sehingga akan menerima akibat buruk dari perbuatan derhaka tersebut. Oleh itu, konsep “daulat” dan “derhaka” dalam politik Melayu tradisi sangat menentukan kedudukan seseorang raja di mata rakyatnya.

Hal ini menimbulkan rasa ketataan dan kesetiaan seseorang rakyat kepada rajanya yang bertindak sebagai payung naungannya dalam kehidupan. Raja sebagai manusia yang “berdaulat” mempunyai kedudukan yang tinggi di mata rakyat. Ia memberi kemakmuran dan keamanan yang sangat diinginkan oleh rakyat. Melalui daulat juga raja dapat menentukan kedudukan rakyat.

Kedudukan golongan rakyat dalam sistem sosial adalah paling bawah. Ia seperti hubungan antara tuan dengan hamba. Dalam hal ini Mahdini (1999:217) menyifatkan bahawa pembinaan sikap perhambaan ini merupakan salah satu daripada fungsi mitos Melayu. Ia dimanipulasikan dari sistem kepercayaan rakyat yang mempercayai adanya unsur ghaib dan mistik dalam keperibadian raja dan nenek moyangnya.

Pengukuhan konsep “daulat” dan “derhaka” menentukan hubungan antara raja dengan rakyat. Mereka diikat melalui suatu waad atau kontrak sosial antara raja dengan rakyat. Ikatan tersebut tercermin dalam perjanjian yang berlaku di Bukit Si Guntang, Palembang antara Demang Lebar Daun dengan Seri Teri Buana. Dalam waad tersebut, Demang Lebar Daun mewakili rakyat dan Seri Teri Buana mewakili pihak raja. Waad tersebut merupakan suatu kontrak sosial yang meletakkan syarat dan garis panduan yang khusus dalam menentukan hubungan antara raja dengan rakyat. Melalui perjanjian tersebut, rakyat telah memberikan suatu kepercayaan kepada raja melalui jaminan bahawa tidak akan melakukan sebarang bentuk perbuatan yang boleh dianggap menderhaka. Bahkan rakyat tetap akan menjunjung setiap perintah raja walau raja tersebut berlaku zalim. Dalam waktu yang sama, kontrak sosial ini juga memberi keadilan kepada rakyat dengan jaminan bahawa raja tidak boleh berbuat sesuka hati terhadap rakyat. Dari kontrak inilah munculnya slogan “pantang anak Melayu menderhaka kepada rajanya” (Yusoff Iskandar, 1977:16).

Inilah teras politik Melayu, di mana rakyat tidak boleh dinista dan dihina dengan apa cara sekalipun. Pengabsahan pihak raja sebagai pemerintah dan pihak rakyat sebagai yang diperintah menerusi ikatan perjanjian ini menjadi tonggak kepada kekuatan politik Melayu tradisional, kerana pemerintah dapat menguruskan dan menjalankan pentadbiran dengan baik dan sempurna. Di pihak rakyat pula akan merasa terjamin bahawa mereka tidak akan diperlakukan secara tidak adil tetapi berlandaskan hukum syarak.

Seseorang raja yang berdaulat memiliki kuasa yang mampu mempengaruhi setiap aspek kehidupan rakyatnya termasuklah dari segi agama dan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat setempat. Tun Suzana Tun Othman (2008:6) menegaskan bahawa sejarah perkembangan dan penyebaran Islam di rantau ini sehingga menerbitkan daulah-daulah Islamiah, iaitu kesultanan-kesultanan Senusantara yang beridentiti unik mengikut ukuran fitrah dan kejiwaan bangsa Melayu, yang pada hari ini mulai dikenali dengan

gagasan “Melayu Islam Beraja”. Oleh kerana, sejak dari kehadiran Islam di Nusantara, sejarah bangsa Melayu kita yang dipimpin oleh institusi beraja yang terdiri daripada kalangan raja-raja Melayu, golongan bangsawan dan juga para pembesar Melayu adalah satu institusi yang bertanggungjawab melahirkan peribadi, jati diri dan juga pandangan hidup masyarakat di alam Melayu-Islam.

Dengan memiliki kekuatan daulat tersebut, raja-raja Melayu telah membuka ruang dan menjadi faktor utama dalam peristiwa pengislaman rakyatnya dan juga bangsa Melayu secara besar-besaran. Natijahnya, bangsa Melayu terdidik dengan ilmu-ilmu agama Islam yang luhur, budi pekerti yang halus, pemikiran yang tinggi dan berdaya saing sehingga mampu meletakkan dan menjunjung “Adat” (adat yang bersendikan syarak) dan syariat sebagai teras utama dalam pemerintahan negerinya (Tun Suzana Tun Othman,2008:34). Tegasnya, raja-raja Melayu suatu ketika dahulu berdaulat dan amat berjasa dalam meletakkan Islam di puncak pemerintahannya, di samping menjunjung adat-adat Melayu yang luhur turun-temurun. Dasar pemerintahan yang bertunjangkan Islam ini telah menyebabkan bangsa Melayu suatu ketika dahulu berada di puncak kegemilangan yang menjadi lambang kehebatan, kekuatan semangat, kedaulatan bangsa dan agama ekoran seorang raja berdaulat. Inilah hakikatnya, apabila berbicara tentang kedaulatan raja-raja Melayu di alam Melayu yang sangat sakral suatu ketika dahulu terkenal dengan peranan dan sumbangannya yang begitu komited dalam memartabatkan Islam di alam Melayu khususnya.

Malangnya, rentetan sejarah yang telah dipaparkan membuktikan peristiwa kejatuhan dan kegagalan sesbuah kerajaan Melayu Islam di alam Melayu adalah berpunca daripada kegagalan dan kelemahan raja-raja Melayu dalam menggalas sebuah tanggungjawab terhadap kerajaan dan rakyatnya. Tun Suzana Tun Othman (2008:7) menyifatkan bahawa fakta-fakta sejarah juga telah menuding kepada raja-raja Melayu yang belakangan, bukan yang *awwalun*, dan bukan pula institusi yang merangkumnya, sebagai punca yang kemudiannya gagal mempertahankan peranan tradisi leluhur mereka, menyebabkan golongan raja dan pembesar Melayu yang sakral itu kehilangan “hakikat”. Terkosongnya hakikat dari zahir golongan raja dan pembesar Melayu telah mendedahkan bangsa Melayu kepada unsur-unsur pengkhianatan dari dalam dan kemudiannya serangan musuh-musuh luaran sehingga menjadi pincang.

Masalah utama yang menjadi faktor kegagalan kerajaan tersebut adalah masalah sosial seperti keruntuhan akhlak dan nilai kemanusiaan yang dilihat memberi impak terbesar kepada keruntuhan dan kekalahan negera-negara besar yang berdaulat suatu ketika dahulu. Keruntuhan akhlak dan juga kejatuhan nilai kemanusiaan yang dicetuskan oleh golongan raja dan para pembesar negara yang tidak dapat mengawal diri memberikan kesan dan impak yang negatif ke arah kecemerlangan kerajaannya. Terhakisnya nilai kemanusiaan yang menonjolkan kegagalan fungsi golongan pemimpin termasuklah masalah pecah amanah, amalan rasuah yang berleluasa, penindasan dan kezaliman yang sering dipaparkan dalam kebanyakan peristiwa sejarah. Kepincangan yang berlaku dalam pemerintahan yang diterajui oleh kalangan raja-raja Melayu yang gagal dalam melaksanakan peranan dan tangungjawabnya selaras dengan status dan fungsinya yang penting dalam memartabatkan Islam di Nusantara seperti yang telah diwariskan oleh para leluhur suci yang terdahulu.

Sejarah silam telah banyak memaparkan kegagalan dan kemuksahan sesebuah kerajaan yang berdaulat akibat ketidakseimbangan dalam menjalin hubungan yang kukuh antara manusia dengan Penciptanya. Ketidakseimbangan ini menyebabkan hubungan yang wujud sering bergeser bahkan kekuatannya semakin terhakis sehingga terdedah dengan unsur-unsur negatif yang menggugat kehidupan rohani. Kegagalan golongan raja dan pembesar dalam meletakkan asas keimanan dalam memantapkan hubungan inilah sebagai faktor utama menyebabkan kepincangan dan kegagalan dalam sistem pemerintahannya. Tidak dapat dinafikan, bahawa hubungan raja sesama manusia seperti hubungan dengan pembesar, rakyat jelata dan negara luar merupakan satu bentuk hubungan penting yang harmonis demi melestarikan sesebuah kerajaan yang berdaulat.

Raja-raja dalam konteks hubungannya sesama manusia adalah sebuah simbolik demi memperteguhkan sebuah kedaulatan negara, apatah lagi sesebuah kerajaan yang berdaulat wujud apabila raja, pembesar dan rakyat jelata saling berlumba dalam menjalinkan hubungan yang harmonis dalam kehidupan seharian. Seperti halnya, seorang raja dituntut untuk berlaku adil dan saksama dalam melaksanakan tugasnya termasuklah dalam hal-hal yang berkaitan dengan penggubalan undang-undang dan peraturan dan juga pelaksanaan hukuman terhadap pesalah. Begitu juga rakyat jelata dituntut untuk menumpahkan ketaatsetiaan yang sepenuhnya kepada seorang raja yang memerintah sebagai ketua yang memiliki kuasa mutlak yang menerajui sebuah kerajaan yang berdaulat.

Natijahnya, kelonggaran hubungan raja dan pembesar dengan Pencipta mengakibatkan kezaliman, penindasan dan penganiayaan bermaharajalela dalam pemerintahannya. Gagalnya pengisian jiwa mereka dengan satu tali yang kukuh mengikat kuat hubungan dengan Pencipta memberi kesan yang negatif kepada imej pemerintahan beraja di alam Melayu. Ternyata paparan sejarah berkaitan raja dan pembesar memainkan peranan hanya untuk kepentingan duniawi semata-mata. Bahkan aspek ukhrawi telah jauh dilupakan. Kepincangan yang berlaku dalam pemerintahan yang diterajui oleh kalangan raja-raja Melayu yang gagal dalam melaksanakan peranan dan tangungjawabnya selaras dengan status dan fungsinya yang penting dalam memartabatkan Islam di Nusantara seperti yang telah diwariskan oleh para leluhur suci yang terdahulu.

Walhal, asas kepada pembentukan negara yang maju merupakan sebahagian daripada prasyarat untuk mencapai pembangunan kemanusiaan yang bersifat lestari. Lutpi Mustafa (2007:23) menjelaskan bahawa pembangunan negara yang hanya memfokuskan aspek fizikal semata-mata akan melahirkan manusia yang cenderung kepada faktor kebendaan dan bersifat individualistik. Aspek pembangunan fizikal yang pesat, perlu pula diimbangi dengan peningkatan aspek kerohanian yang berasaskan kepada kemurnian dan kesucian jiwa dan rohani. Justeru, dalam melahirkan sebuah kerajaan yang maju perlulah berasaskan pembangunan kerohanian yang berterusan. Mohd. Kamal Hassan (1988:44) menyatakan bahawa pembangunan kerohanian perlulah didasarkan kepada nilai Islam secara keseluruhannya. Kaedahnya perlu dibentuk dan dilaksanakan secara sepadu dengan menggabungkan pembinaan potensi jasmani dan rohani akan dapat menyumbang ke arah pembangunan moral dan kerohanian.

Oleh itu, orientasi keagamaan dengan mengambil kira aspek rohani secara langsung menyumbang ke arah melahirkan peradaban manusia yang tinggi. Sehubungan itu, Mohd Asri Abdullah (2004:6) menyifatkan bahawa manusia yang memiliki nilai peradaban yang tinggi, sudah tentu berpotensi besar untuk membangunkan negaranya secara seimbang. Pendekatan ini perlu agar pembangunan dalam negara maju yang berteraskan Islam yang dicita-citakan akan menjadi kenyataan sekali gus dapat dikekalkan.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Kajian ini bertitik-tolak daripada permasalahan berkaitan keimanan dalam diri golongan raja dan pembesar yang perlu diberi keutamaan dalam pembentukan rohani supaya mampu melaksanakan sesuatu peranan dan tugas dengan baik. Asas keimanan dalam diri golongan raja dan pembesar menjadi nadi penting pembentukan peribadi agar mampu memahami peranan dan tanggungjawab dengan sebaiknya. Tahap keimanan seseorang raja dan pembesar sangat mempengaruhi keberkesanan sesuatu peranannya agar terlaksana dengan baik dan bertepatan syariat Islam. Sekiranya seseorang raja mempunyai kekuatan dan keimanan yang tinggi serta mampu mengawal dirinya daripada kehendak hawa nafsu dan pujukan syaitan, sesuatu peranan dan tanggungjawabnya akan terlaksana dengan baik. Amat penting seseorang raja dan pembesar mempunyai benteng dirinya daripada halangan utama serta mempunyai kawalan iman yang mantap agar mampu mengawal diri dan dapat melaksanakan tugasnya dengan mudah tanpa penyelewengan. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Affandi Hassan (1987:229-230) bahawa pengisian nilai-nilai keimanan kepada para raja dan pembesar negara adalah sangat mustahak bagi membendung amalan-amalan tidak berdisiplin yang dapat meruntuhkan sesebuah kerajaan yang berdaulat. Walaupun kebanyakan mereka mempunyai kelayakan dan status keturunan yang sah dan berpengalaman dalam selok belok pengurusan kerajaan, tetapi masih belum dapat menjamin prestasi kerja mereka berjalan dengan baik dan bebas dari gejala yang tidak amanah dalam kerajaan. Ini kerana status dan keturunan yang sah dan pengalaman yang luas tanpa pengisian dan pegangan nilai Islam yang hakiki, masih lagi terdapat kepincangan dalam amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Kajian terdahulu sering kali mengaitkan idea pemikiran politik Islam berhubung dengan persoalan peranan raja dan pembesar dalam pemerintahan kebanyakannya menekankan perkara asas dalam membentuk sebuah kerajaan yang ideal berlandaskan prinsip Islam. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Shah Rul Anuar Nordin bertajuk "Konsep Kepimpinan Melayu Islam di Nusantara Menurut Teks BS, yang membicarakan tentang kualiti diri sebagai pemimpin menurut perspektif Islam. Beliau mendapati bahawa kitab BS mengemukakan gagasan supaya pemimpin perlu memainkan peranannya mengamalkan tasawuf seperti sentiasa ingatkan mati, menolak hawa nafsu dan mengutamakan zikir kepada Allah SWT. Namun demikian, penekanan kepada persoalan keimanan perlu diambil kira dalam diri golongan raja dan pembesar supaya mampu dan berpotensi besar menjalankan amanah sebagai pemimpin dengan berkesan.

Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh Shah Anuar tersebut tidak menggunapakai pendekatan *al-Nafs al-Muthma'innah* yang mampu merungkaikan tahap keimanan dalam diri golongan raja dan pembesar sama ada memiliki kekuatan atau kelemahan dalam menundukkan hawa nafsu dan ammarah yang buruk yang menjadi penghalang dan ancaman dalam diri dalam melaksanakan sesuatu amanah dan tanggungjawab tertentu. Justeru itulah, kajian yang dilakukan ini dengan meneliti peranan raja dan pembesar berdasarkan pendekatan *al-Nafs al-Muthma'innah* yang akhirnya memberi cerminan tentang hakikat diri golongan raja dan pembesar yang mempunyai ketramplinan rohani yang mantap serta mempunyai kawalan iman yang kuat. Oleh itu, asas keimanan dalam diri golongan raja dan pembesar sangat penting dalam mempengaruhi keberkesanannya sesuatu peranan dan tugas yang dilaksanakan dalam pentadbiran negara. Kerana pengabaian asas keimanan ini menjadi punca utama yang mencetuskan pelbagai masalah kepincangan, kezaliman, penganiayaan serta keruntuhan sesebuah negara yang berdaulat.

Tambahan pula, Nik Azis Nik Pa (2007:13) menjelaskan bahawa dalam kalangan pemerintah, mereka tidak memahami status dan peranan sebenar kewujudannya di atas muka bumi ini, iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Dalam permasalahan ini, Muhammad Nubli Abdul Wahab (2008:65) menyifatkan bahawa punca utama penipuan dan pecah amanah termasuklah kesan pengabaian aspek kerohanian yang tidak dititikberatkan dalam peribadi seorang pemimpin. Salah guna kuasa dalam pemerintahan yang memaparkan nilai kemanusiaan semakin merosot.

Hal ini sejajar dengan kenyataan Nur Iman Affandi (2002:35), bahawasanya tingkah laku manusia tidak lagi memiliki tujuan-tujuan luhur sebagaimana layaknya “wakil Tuhan di bumi”, mereka sudah menyerupai bahkan lebih rendah dan nista daripada binatang. Keadaan seumpama itu disebabkan kepincangan kerohanian dan keperibadian diri manusia. Kerosakan rohaniah manusia yang mengakibatkan timbulnya kekacauan sistem kehidupan manusia baik individual maupun berkumpulan. Justeru, (Nur Iman Affandi,2002:46) menyifatkan bahawa lenyapnya keseimbangan antara jasad dengan jiwa di mana rohaniah manusia terjajah oleh kebuasan nafsu yang hanya berorientasi pada kepuasan biologi.

Kedatangan Islam di alam Melayu telah mencorakkan gaya tersendiri terhadap genre sastera ketatanegaraan. Genre ini satu ruangan khusus mencorakkan institusi pentadbiran ke arah kehendak dan hasrat dari ajaran Islam. Kitab-kitab

ini dihasilkan sebagai buku panduan dan tatacara pemerintahan kepada golongan raja dan pembesar dalam mendidik jiwa manusia mengikut acuan Islam. Sinonim dengan kedudukan tersebut, apakah panduan yang memandu arah dalam mendidik dan membentuk jiwa golongan raja dan pembesar dalam usaha memainkan peranannya dengan baik dan berkesan.

Justeru, kajian ini melihat peranan raja dan pembesar dalam *BS* dengan berlandaskan kerangka yang diketengahkan oleh al-Ghazali. Sejauh manakah golongan raja dan pembesar memainkan peranannya dalam teks *BS* sama ada mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam acuan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali ataupun sebaliknya. Sejauh manakah perbandingan peranan golongan raja dan para pembesar dalam teks *BS* sama ada mengikut acuan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali iaitu memiliki tahap keimanan yang mantap dan terkawal. Dengan itu, melalui pendedahan peranan raja dan pembesar dengan menerapkan pendekatan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali tersebut mampu merungkai hakikat diri golongan pemimpin yang memiliki tahap keimanan yang tinggi dan mantap.

### 1.3 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai dalam usaha raja dan pembesar memainkan peranannya mengenal hakikat dirinya yang sebenar dalam *BS* iaitu;

- 1) Menganalisis peranan raja berdasarkan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali dalam teks *BS*.
- 2) Menganalisis peranan pembesar berdasarkan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali dalam teks *BS*.
- 3) Membandingkan peranan raja dan pembesar berdasarkan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali dalam teks *BS*.

#### 1.4 Batasan Kajian dan Pemilihan Bahau

Kajian ini memanfaatkan teks *BS* atau *Taman Raja-Raja* (bab 3) iaitu sebuah hasil karya seorang ulama terkenal iaitu Syeikh Nuruddin al-Raniri. Teks tersebut dipercayai ditulis pada tahun 1638M. Teks ini ditulis atas perintah Sultan Iskandar Thani (1637-1641) yang memerintah kerajaan Aceh berasal dari keturunan raja Pahang. Menurut Jelani Harun (2004:xiv-xvii), manuskrip asal *BS* sehingga kini masih belum ditemui. Manuskrip yang ada hanyalah salinan daripada beberapa orang penyalin yang menyebabkan wujudnya beberapa aspek perbezaan dan tokok tambah. *BS* dalam bentuknya yang lengkap dengan ketujuh-tujuh babnya sehingga kini masih belum ditemui. Kitab *BS* merupakan karangan terbesar dan terkenal dalam bidang sejarah dan ketatanegaraan yang pernah dihasilkan di alam Melayu.

Jelani Harun (2004:xiv-xvii) menyatakan bahawa *BS* merupakan induk karya ketatanegaraan Melayu. Kitab tersebut benar-benar mempunyai asas genre penasihatuan khalifah atau *MFR* dalam tradisi kesusasteraan Arab dan Parsi. Nuruddin al-Raniri mula menulis kitab tersebut ketika beliau sudah berada selama 7 bulan di Aceh iaitu pada tahun 1637M/1047H dan selesai ditulis pada tahun 1641M. Ia ditulis dalam tulisan jawi menggunakan bahasa Melayu klasik.

Teuku Iskandar (1966:17) menjelaskan kitab ini dipercayai mengandungi sebanyak 7 bab yang di dalamnya mengandungi pula 40 fasal. Namun begitu, dalam setiap bab mempunyai pelbagai cerita dan peristiwa masing-masing yang dibangunkan oleh Nuruddin al-Raniri sememangnya mempunyai satu topik yang besar. Ramai pengkaji berpendapat kitab ini bukan karya ketatanegaraan yang asli milik orang Melayu, kerana pada bab 2 lebih bersifat sejarah. Dalam hal ini, Ismail Yusoff (2008:142) menyatakan bahawa terdapat banyak persamaan dengan *TS* berbanding dengan hasil karya yang lain. Oleh kerana karya ini ditujukan khas kepada golongan pemerintah dan pembesar-pembesar negara, tidak hairanlah sekiranya kebanyakan pengkaji menyifatkan bahawa kedua-dua pengarang karya tersebut telah menggunakan sumber yang sama untuk menghasilkan karya-karya mereka. Sehubungan itu, Teuku Iskandar (1966:13) menjelaskan bahawa *BS* dikarang untuk menyaingi *TS* sebagai karya cermin bagi raja-raja. Kalau sekiranya *TS* hanya mempunyai nilai-nilai keagamaan, *BS* di samping nilai-nilai keagamaan juga mempunyai nilai-nilai sejarah, bahkan nilai-nilai sejarahlah mengambil peranan yang lebih penting dalam karya Nuruddin al-Raniri yang besar ini.

Seterusnya, Ahmad Daudy (1983:14), menjelaskan bahawa kitab *BS* ini dikarang atas perintah Sultan Iskandar Thani (1636-1641M) kepada Qadi Malikul Adilnya iaitu Nuruddin al-Raniri. Sultan Iskandar Thani (1636-1641M) meminta Nuruddin al-Raniri, sebagai seorang yang alim, menulis tentang asal-usul keturunan baginda dan menulis panduan dalam hal ehwal pemerintahan negara supaya sentiasa dapat dibaca dan dirujuk dari semasa ke semasa. Tujuan *BS* dihasilkan adalah untuk menyempurnakan titah perintah SIT sebagai panduan dan penunjuk arah dalam menjalankan pemerintahannya. SIT hanya memerintah selama 5 tahun, dengan adil, dan banyak hukum-hukum agama diperintahkannya supaya patuhi dan dijalankan dengan baik. Semasa pemerintahan bagindalah Melaka jatuh ke tangan Belanda. Dalam hal ini NR ada menjelaskannya dalam bab 1 *BS*:

Dan kemudian dari itu, pada tujuh haribulan Syawal, maka dititahkan yang Maha Mulia fakir dengan titah yang tiada dapat tiada menjunjung dia sultan mu'azzam yang hafan lagi murah, yang pertama besar martabat izzatnya, iaitu Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Shah Johan berdaulat Zillu 'l-lahi fi 'l- 'alami.

(Jelani Harun, 2004:66)

Kedatangan NR ke Aceh Dar al-Salam, iaitu pada tahun 1637M, semasa perkembangan dakwah Islam dan kegiatan penulisan ilmiah semakin pesat di sana. Keadaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi dan mendorongnya untuk menulis dan menghasilkan kitab *BS*. Dalam bab pertama dan kedua tentang sejarah dunia, kejadian alam menurut perspektif Islam, raja-raja yang pernah memerintah dunia sehingga keturunan raja-raja Aceh, Johor dan Pahang (asal usul Sultan Aceh melalui konsep sejarah dunia). Bab ketiga hingga bab keenam ialah tentang adab ketatanegaraan untuk dijadikan panduan oleh SIT dalam memerintah Kesultanan Aceh. Bab ketiga menceritakan tentang politik dan pemerintahan; iaitu kisah raja-raja yang adil, pada bahagian ini pengkaji memanfaatkan idea NR dalam membongkarkan peranan raja dan pembesar dalam konteks hubungan dengan Pencipta. Ringkasan bab *BS* dapat dibahagikan seperti di bawah:

- Bab 1- Kisah penciptaan alam (7 petala langit dan 7 petala bumi)
- Bab 2- Kisah sejarah dunia (Nabi Adam, Nabi-Nabi dan raja Parsi purba berterusan hingga Nabi Muhammad SAW, diakhiri dengan cerita raja Melayu Melaka dan Aceh. Mengaitkan keturunan raja Aceh dan Melaka berasal dari keturunan Nabi Allah Adam berdaulat *zillullahu fil alam*.

- Bab 3- Kisah raja dan menteri yang adil. Bahagian pertama tentang kisah raja atau khalifah. Bahagian kedua tentang orang penting dalam kehidupan raja seperti pembantu, perdana menteri, wazir, kadi, katib, utusan, panglima dan hulubalang
- Bab 4- Kisah raja-raja yang alim (sentiasa mendekatkan diri dengan ajaran agama, dan mengamalkan ajaran tarekat sebagai panduan untuk memerintah dengan adil)
- Bab 5- Kisah raja dan pemberi amanah yang zalim
- Bab 6- Sifat pemurah dan berani yang perlu ada pada setiap raja
- Bab 7- Ilmu pengetahuan tentang perubatan, wanita, firasat dan akal.

Oleh kerana beliau juga merupakan seorang tokoh ulama terkemuka dalam sejarah dunia Islam, nada dakwah sebagai adunant rapi dalam karya-karyanya menjadi wadah mendidik jiwa manusia agar dapat mengenal Penciptanya. Corak pemikiran dalam kebanyakan hasil karyanya telah terkeluar dari dunia realiti sehingga mencapai ke tahap alam kerohanian. NR telah diarahkan oleh SIT untuk mengarang sebuah kitab yang menceritakan tentang hal ehwal kesultanan Aceh yang terkenal sebagai pusat pengajaran dan penyebaran Islam di Nusantara yang menggantikan peranan Melaka yang sebelumnya sebagai pusat pengembangan ajaran Islam rantau ini.

Pemilihan bahan iaitu *BS* (bab 3) dimanfaatkan dalam kajian ini kerana bab tersebut mempunyai sistem pemerintahan yang lengkap iaitu terdiri daripada golongan raja dan juga barisan pemberi amanah yang bertanggungjawab dalam memerintah kesultanan Aceh. Terdapat dua bahagian dalam bab ini iaitu, bahagian pertama tentang kisah raja atau khalifah. Manakala bahagian kedua pula tentang orang penting dalam kehidupan raja seperti pembantu yang terdiri daripada perdana menteri, wazir, *kadhi*, katib, utusan, panglima dan hulubalang. Selain itu, disebabkan NR merupakan seorang tokoh ulama terkemuka dalam sejarah dunia Islam, nada dakwah menjadi adunant rapi dalam karya-karyanya sebagai wadah mendidik jiwa manusia terutama golongan raja dan pemberi amanah agar dapat mengenal dan memahami status dan fungsinya yang utama dalam pemerintahan. Hal ini disokong oleh Siti Hawa Salleh (2010:xxxvi) bahawa *BS* ditulis oleh seorang ulama besar Islam ketika itu yang mempunyai ilmu agama yang tinggi sudah tentunya mengenepikan unsur-unsur mitos dan dongeng daripada penulisannya.

Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan Eklektik iaitu dengan cara menggembangkan pendekatan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali dan menggabungkannya dengan beberapa pandangan tokoh terkemuka yang berkaitan dengan *al-Nafs al-Muthma'innah*. Hal ini kerana, dalam pembahagian al-Ghazali berkaitan nafsu *al-Muthma'innah* tidak banyak huraian dan perbincangannya berkaitan konsep dan prinsip yang mendokong tingkat nafsu tersebut. Oleh sebab itu, kajian ini membataskan kepada pendekatan *al-Nafs al-Muthma'innah* sahaja dari kerangka konsep al-Ghazali dalam pembahagian nafsu menerusi kitab *Ihya Ulumuddin*.

### 1.5 Kepentingan Kajian

Teks *BS* merupakan karya penting yang mencorakkan sistem pentadbiran sesebuah kerajaan berdasarkan acuan Islam. Asas ini dikesan melalui nasihat dan panduan yang dikarang oleh pengarang terdahulu dalam menggalasi tugas menyampaikan panduan dan nasihat kepada pemerintah berlandaskan syariat Islam. Karya-karya tersebut berpotensi menjadi wahana membentuk kemuliaan jiwa dan akhlak dalam kalangan pemimpin negara bahkan kehidupan masyarakat. Melalui kajian yang akan dijalankan, banyak manfaat yang akan diperolehi kepada semua pihak.

Pertama, kajian ini umumnya mempunyai kepentingan kepada pihak-pihak tertentu terutamanya pengkaji, pelajar dan sesiapa yang meminati bidang ketatanegaraan. Hasilnya membantu semua pengkaji yang akan datang khususnya yang berkecimpung dalam genre sastera ketatanegaraan bagi memperoleh maklumat tambahan serta dapat memperkasakan kefahaman mengenai sistem pentadbiran dan pemerintahan kesultanan Melayu. Dalam konteks ini, sastera ketatanegaraan merupakan satu bidang yang luas dan dapat dihubungkan dengan pelbagai isu atau disiplin kajian yang berbeza, sama ada dari perspektif sastera, sejarah, agama mahupun tasawuf.

Kedua, memberi maklumat tambahan kepada pihak terlibat tentang aspek-aspek pentadbiran dalam sesebuah negara yang mencirikan lambang warisan Islam. Kehadiran teks *BS* tersebut sebagai buku panduan penting dalam mencorakkan peranan raja dan pembesar ke arah matlamat yang hakiki. Penelitian *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali ini mampu membawa manusia menyedari hakikat diri yang memiliki keimanan yang tinggi. Dengan memahami hakikat tersebut, golongan raja dan pembesar mempunyai tanggungjawab dan amanah yang dianugerahkan Allah SWT supaya digunakan untuk tujuan mengabdikan diri kepada-Nya.

Ketiga, kajian ini turut memberi manfaat dan kepentingan kepada bidang ilmu dan dunia akademik supaya dapat menambahkan jumlah bilangan dalam bidang yang dikaji dan dapat memberi sumbangan kepada dunia akademik khususnya. Sumbangan ini dapat memartabatkan dokumen warisan agung Melayu yang disanjungi suatu ketika dahulu. Di samping itu, ia juga dapat dijadikan pedoman dasar kepada para pemimpin negara untuk menguruskan hal-hal pentadbiran negara.

Keempat, kajian ini memberi manfaat kepada negara dan organisasi pentadbiran. Maklumat terkini diperolehi dapat menambahkan sumber-sumber maklumat baru kepada sesebuah negara. Teks ini merupakan karya agung Melayu yang menonjolkan kehebatan gaya penulisan dan ketinggian minda pengarang dahulu. Tidak sekadar itu, sebagai khazanah bangsa yang tulen dan unggul dalam membekalkan pelbagai sumber tentang keindahan bahasa, nilai, pemikiran serta cara hidup masyarakat Melayu tradisi. Lantaran itu, warisan ilmu ini diharapkan dapat dimanfaatkan dan dimasyarakatkan oleh generasi kini. Justeru, dapat menambahkan para intelek dan cendekiawan di kalangan bangsa Melayu. Kajian ini juga memastikan wujudnya kesinambungan antara kajian-kajian yang lepas dan yang terkini. Bahkan kajian ini diharapkan dapat membuktikan kekuatan dan ketinggian peradaban Melayu itu sendiri.

## **1.6 Definisi Konsep dan Operasional**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa konsep penting yang berkaitan digunakan untuk membentuk tajuk kajian. Ini bertujuan memberi gambaran dan pemahaman awal untuk memamahи dengan lebih jelas tentang tajuk kajian ini. Antara konsep yang dimaksudkan ialah;

### **1.6.1 Peranan**

Menurut *Kamus Dewan*,(1998:123) maksud peranan ialah pertama merujuk kepada watak (yang dilakukan oleh peran). Kedua ialah tugas (bahagian, pekerjaan) yang dilakukan untuk menjayakan sesuatu.

### 1.6.2 Raja

Sistem politik masyarakat Melayu tradisi mengandungi hierarki kepimpinan dan pentadbiran yang berbentuk piramid dengan diketuai oleh raja di puncak kekuasaan dan di bawahnya terdiri daripada para pembesar negeri. Struktur kerajaan yang tersusun ini dapat dilihat dalam *Sejarah Melayu* (A.Samad Ahmad,ed, 2009:86) yang menggambarkan kedudukan raja dan keluarganya menduduki lapisan paling atas dengan autoriti dan kuasa yang mutlak. Di bawahnya adalah golongan bangsawan yang terdiri daripada pembesar negeri yang menjalankan tugas yang diserahkan oleh raja. Zulhilmi Padi (2003:115) menjelaskan konsep raja pada zaman tradisional adalah ketua pemerintah yang wajib dipatuhi akan segala titah perintahnya tanpa sebarang soal jawab. Konsep ini timbul daripada dua nilai penting yang dimiliki oleh raja iaitu konsep “daulat” dan “derhaka”. Konsep ini lahir berikut termaktubnya persetiaan atau waad di antara Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba.

Dalam perjanjian tersebut, Demang Lebar Daun yang mewakili pihak rakyat telah yakin supaya menumpahkan taat setia dan tidak akan menderhaka kepada raja. Manakala sebagai raja, Sang Sapurba juga berjanji akan menjaga kebajikan rakyat, tidak menzalimi dan mencela rakyat. Terdapat pelbagai unsur mitos yang diselitkan bagi membesarlu dan memuliakan kedudukan seseorang raja yang memerintah di mata rakyatnya. Misalnya, Ismail Hamid (1988:52) menyatakan bahawa konsep raja adalah istilah yang dipinjam daripada kebudayaan Hindu. Raja disamakan dengan konsep “Devaraja” atau “pemerintah” yang sama kedudukannya dengan dewa-dewa. Tambahan pula, Abu Hassan Sham (1973:312) menyifatkan bahawa kewujudan konsep raja ini bukan sahaja diterima pakai oleh masyarakat Melayu malah tanggapan masyarakat Melayu terhadap raja menyerupai tanggapan masyarakat Hindu terhadap dewa-dewa mereka. Sehubungan itu, kedudukan raja dalam masyarakat Melayu seperti yang diperkatakan oleh Rahim Syam (1985:66) bahawa masyarakat Melayu meletakkan kedudukan raja di tempat yang tinggi lagi mulia, malah mereka beranggapan bahawa raja adalah wakil daripada penjelmaan dewa yang mempunyai kuasa “supernatural” atau “mana”.

Hal ini diceritakan lagi dalam teks *Sejarah Melayu* (A. Samad Said ed, 2009:6) misalnya telah menolak manusia biasa untuk menjadi raja. Sebaliknya raja haruslah daripada keturunan manusia “setengah dewa”. Kerana inilah sumber daulat yang utama. Rakyat tidak berpeluang sama sekali untuk memegang jawatan sebagai raja kerana rakyat biasa dianggap manusia biasa yang dalam dirinya tidak ada unsur kedewaan. Jikalau tidak ada manusia “setengah dewa”,

misalnya melalui pertapaan seperti yang dilakukan oleh pembesar Negara Dipa iaitu mencari di pelbagai tempat hingga terjumpa seperti yang dilakukan oleh pedagang yang membuka negeri Patani dalam *Riwayat Kelantan*. Bahkan juga ada dicari anak raja daripada negeri lain untuk dijadikan raja di negeri mereka.

Syarat-syarat perlantikan seseorang raja adalah berdasarkan kepada keturunan raja tersebut. Antara faktor-faktor perlantikan seseorang raja seperti keutamaan diberikan kepada putera sulung laki-laki. Aspek ini merupakan keutamaan yang paling tinggi untuk memegang jawatan raja, kecuali atas sebab-sebab tertentu yang memaksa anak lelaki yang menyandang jawatan putera mahkota digugurkan. Ini tergambar dalam *Sejarah Melayu* (A. Samad Said ed, 2009:44) misalnya di Melaka, Raja Muhammad yang menyandang jawatan sebagai putera mahkota sepatusnya menjadi raja menggantikan Sultan Mansur Syah, tetapi kerana ia telah membunuh Tun Besar anak bendahara ia disingkirkan daripada hak untuk memegang jawatan sebagai raja, sebaliknya adik beliau Raja Hussein menjadi raja.

Seseorang raja berdaulat memerlukan sebuah negeri untuk menjalankan pemerintahannya ke atas rakyat jelata. Seperti yang dijelaskan oleh Wan Abdul Kadir Wan Yusuf (1993:144) bahawa negeri ini merupakan sebuah kawasan yang mempunyai konsep kuasa dan pembahagian kuasa yang “disempadani” oleh wibawa dan pengaruh seseorang raja. Dari itu kewujudan negeri seiring dengan kewujudan seseorang raja. Negeri raja yang besar dikaitkan dengan jajahan takluknya yang luas menggambarkan kekuatan dan kebesaran kerajaan raja tersebut yang memaparkan betapa suci, agung dan mulianya raja-raja Melayu itu. Kemuliaan dan keagungan inilah yang melayakkan raja-raja menjadi “tuan” kepada orang-orang Melayu. Kekuasaan raja diperkuuhkan dan disahkan dengan penerimaan masyarakat Melayu tradisional melalui semua unsur kebesaran dan kekuasaan ini.

Raja yang berdaulat juga dilihat melalui keistimewaan yang dimilikinya sama ada dari segi pakaian atau perhiasan, penggunaan warna dan bahasa. Kesemua keistimewaan ini merupakan hak ekslusif yang dimiliki oleh seseorang raja yang berdaulat. Haron Daud (1989:94) menjelaskan bahawa sebagai seorang manusia, raja mempunyai daulat dan kebolehan luar biasa. Baginda tidak boleh diderhakai oleh rakyat. Raja mempunyai alat kebesaran, peraturan dan larangan tertentu yang mesti dipatuhi oleh rakyat. Rakyat juga mesti menumpahkan taat setianya kepada raja yang memerintah.

Dalam *Sejarah Melayu* (A.Samad Ahmad,2009:37) memaparkan tentang hak keistimewaan dan juga larangan raja. Buat pertama kalinya dimulakan oleh Sultan Muhammad Syah iaitu sebaik sahaja baginda memeluk Islam. Antara larangan tersebut ialah memakai kain kuning iaitu orang keluaran tidak dibenarkan menggunakan sebagai sapu tangan, tepi tabir, ulasan bantal besar dan tilam, sebagai pembungkus barang-barang, karangan-karangan benda ataupun untuk perhiasan rumah kecuali dijadikan kain, baju dan destar. Orang keluaran juga tidak boleh membuat rumah beranjung, membuat perahu dengan bertingkap penghadapan, memakai perhiasan emas seperti gelang kaki dan keroncong dan memakai keris yang bersalut emas atau perak.

Kesemua hak keistimewaan dan larangan tersebut dijaga sebaik mungkin supaya menimbulkan rasa hormat golongan rakyat terhadap rajanya. Bahkan dengan adanya hak keistimewaan memperlihatkan kedaulatan yang dimiliki oleh seseorang raja yang memerintah. Malahan hak keistimewaan raja yang berdaulat juga turut disebut dalam *Hukum Kanun Melaka*, memperlihatkan seorang raja yang memiliki daulatnya itu harus dihormati sama ada dari segi pakaian, pertuturan dan perhiasan. Larangan ini perlu dipatuhi oleh golongan rakyat bagi menghormati hak keistimewaan seseorang raja. Namun, sekiranya terdapat rakyat yang mengingkari larangan tersebut, raja berhak menjatuhkan hukuman yang sesuai terhadap pesalah tersebut.

Ini memperlihatkan perbezaan status sosial bagi golongan raja dan juga golongan rakyat. Perbezaan sosial meletakkan seseorang raja pada kedudukan tertentu seperti yang diutarakan oleh Haron Daud (1989:157) bahawa raja menduduki tempat yang paling istimewa dalam masyarakat Melayu tradisional. Seseorang raja amat berbeza daripada golongan rakyat, baik dari segi pertuturan, pakaian dan peralatan. Untuk memastikan perbezaan ini berlanjutan dan keutuhan kedudukan raja tidak tercemar maka ‘undang-undang raja’ dan larangan tertentu dikuatkuasakan ke atas rakyat. Undang-undang raja terdiri daripada undang-undang yang secara langsung menyentuh raja dan ia digubal sedemikian rupa untuk kepentingan raja. Sesiapa yang melanggarinya dicap derhana, dan hukumannya adalah mati.

Semua larangan dan adat istiadat dalam kerajaan mewujudkan struktur sosial dalam masyarakat yang menimbulkan dua golongan penting iaitu golongan pemerintah dan golongan diperintah. Kedua-dua golongan ini mempunyai hubungan yang saling melengkapi antara satu sama lain untuk mencapai keseimbangan terhadap kewujudan sistem pemerintahan dalam sesebuah

negara. Oleh itu Zainal Abidin Borhan (2001:9) mengklasifikasikan bahawa raja menduduki puncak tertinggi dalam struktur sosial Melayu, diikuti pula oleh para pembesar dan para rakyat menduduki hierarki terendah.

Dengan adanya larangan dan hak keistimewaan tertentu, akan mewujudkan rasa hormat rakyat jelata terhadap rajanya. Bahkan menjamin kesejahteraan hidup dalam negeri serta status kedudukan seseorang raja terjamin. Dengan ini meninggikan kedaulatan seseorang raja yang memerintah. Tambahan pula, Zainal Abidin Borhan (2001:13) menyifatkan bahawa dalam sistem pemerintahan kerajaan Melayu feudal, raja yang mengatur segala peraturan, segala adat istiadat dan segala kedudukan seseorang di dalam struktur sosial masyarakat.

Berdasarkan status dan keistimewaan seseorang raja itu melayakkannya memegang tugas dan peranan tertentu sebagai orang yang diberi tanggungjawab untuk memimpin negara. Oleh itu, golongan raja mempunyai peranan dan tanggungjawabnya yang tertentu sejajar dengan keistimewaan, kelayakan serta keupayaan yang ada padanya dalam mencorakkan dan membangunkan negara dan seluruh aspek kehidupan rakyatnya. Hal ini dipersetujui oleh Yaakob Isa (2005:199) bahawa aspek yang paling asas dalam sesebuah kerajaan ialah golongan pemerintah yang diberikan tanggungjawab memerintah. Kemuliaan dan keagungan inilah yang melayakkan raja-raja menjadi “tuan” kepada orang-orang Melayu yang akhirnya disahkan dengan penerimaan masyarakat Melayu tradisional melalui semua unsur kebesaran dan kekuasaan ini.

### **1.6.3 Pembesar**

Hierarki kedua dalam status sosio-politik masyarakat Melayu tradisional ialah kaum kerabat dan golongan pembesar. Barisan pembesar mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara. Mereka merupakan kumpulan masyarakat yang berada di bawah selepas golongan raja serta keluarga mereka.

Dalam *Kamus Dewan* (1998:111) makna pembesar merujuk kepada orang besar, orang penting, orang kenamaan dan negarawan. Golongan ini kadangkala dikenali juga sebagai bangsawan. A. Aziz Deraman (1994:11) menjelaskan bahawa dalam struktur pemerintahan masyarakat Melayu

tradisional, pembesar Melayu menduduki hierarki kedua selepas kedudukan raja dan kerabatnya. Mereka ini disebut sebagai golongan bangsawan yang memasuki struktur golongan pemerintahan. Mereka bukan sahaja memiliki kuasa politik tetapi kekuasaan ini juga menempatkan mereka di suatu kedudukan sosial, status dan kedudukan yang tinggi. Sehubungan itu, (Yap Beng Liang,1989:74) menyifatkan bahawa pembesar-pembesar ini mendapat kewibawaan daripada raja dan sultan, dengan itu mereka mestilah menyembah sultan dan melayani baginda dengan penuh hormat.

Dalam hal ini, Zainal Abidin Borhan (2001:188) menjelaskan bahawa golongan pembesar ialah sekumpulan birokrasi yang mendokong kewibawaan sultan yang terdiri daripada menteri yang empat, menteri yang lapan dan menteri yang enam belas. Tradisi ini didapati berterusan di pelbagai negeri Melayu seperti adanya Orang Besar Berempat, Orang Besar Berlapan, Orang Besar Enam Belas dan Orang Besar Tiga Puluh Dua. Oleh itu, dapat difahami keunikan sistem pentadbiran Melayu yang mempunyai kedudukan dan kelas yang berbeza mengikut hierarki masing-masing.

Aruna Gopinath (1993:52) menjelaskan bahawa tingkat di bawah Orang Besar Berempat ialah Orang Besar Lapan atau pembesar-pembesar peringkat kedua. Mereka memiliki gelaran turun-temurun dan mempunyai kuasa yang berbeza-beza mengikut jarak dari ibu kota dan pekan. Secara teori, Orang Besar Berempat dan Orang Besar Berlapan mempunyai kuasa yang sama seperti yang diamanahkan oleh bendahara. Mereka berhak untuk menguatkuasakan sebarang sekatan terhadap pembesar-pembesar lain yang lebih rendah tarafnya. Mereka juga turut mempunyai peruntukan-peruntukan tertentu yang khusus dalam masyarakat iaitu tidaklah setinggi dan semulia peruntukan yang dikhuluskan kepada golongan raja. Misalnya, bidang kuasa menteri bertanggungjawab menguruskan semua hukum dalam negeri.

Dalam *Sejarah Melayu* (A.Samad Ahmad ed,2009:31-34) menceritakan tentang sebuah kerajaan Bintan yang diperintahkan oleh seorang raja perempuan yang bernama Wan Seri Beni. Untuk melantik seorang raja dalam kerajaan sebagai pengantinya, Menteri Bupala telah ditugaskan untuk menyempurnakan hasrat rajanya yang ingin menjadikan Seri Teri Buana sebagai anak angkatnya kelak mengantinya sebagai raja di Bintan.

Sebagai pembantu raja yang diberi kepercayaan untuk melaksanakan perintah dari raja, disamping peruntukan dan keistimewaan yang tertentu, melayakkan seseorang pembesar untuk menggalas tugas dan peranan tertentu. Kelayakan ini menjadi tiket kepada mereka untuk melaksanakan tugas-tugas dan peranan yang telah ditetapkan oleh raja bagi memastikan sistem pentadbiran berjalan lancar dan sistematik demi membantu rajanya membangunkan negara. Oleh sebab itu, setiap pihak dianugerahkan sesuatu kedudukan mempunyai peranan, tugas dan martabat, kesemuanya bertitik-tolak dari raja. Dalam hal ini, Zainal Abidin Borhan (2001:9) mengklasifikasikan bahawa raja menduduki puncak tertinggi dalam struktur sosial Melayu, diikuti pula oleh para pembesar dan para rakyat menduduki hierarki terendah.

### 1.6.3 Unsur Rohani dan Hubungannya dengan *Al-Nafs*

Pada asasnya manusia mempunyai dua unsur keistimewaan yang telah dikurniakan oleh Allah SWT berbanding makhluk-makhluk lain. Unsur tersebut terdiri daripada unsur jasmani dan unsur rohani. Namun, dalam kajian ini akan memanfaatkan unsur kedua manusia iaitu unsur rohani. Perkataan ‘rohani’ dimaksudkan dengan roh, batin atau yang berkaitan dengan jiwa dan sebagainya yang menunjukkan sebagai suatu unsur peribadi manusia yang paling halus dan menentukan, yang tidak nampak oleh pancaindera, tetapi gejala-gejala itu misalnya: menangkap dan menyimpan pengertian, mengingat, berfikir, berkemahanan, rindu, sedih, gembira dan sebagainya (Haron Din, 2015:4).

Unsur rohani mempunyai tuntutan atau keperluan yang sesuai dengan tabiat kerohanianya. Tuntutan rohani berpuncak dari alam ketinggian dan kekudusan dari sisi Allah SWT; iaitu terangkum pada aqidah, akhlak dan pengabdian; yang tersimpul dalam kalimah: Islam (Haron Din, 2015:7). Dalam al-Quran Allah SWT menegaskan bahawa, maksudnya;

Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh daripada (ciptaanku) maka hendaklah kamu sujud kepadanya.

(Surah al-Hijr, 15:29)

Oleh itu unsur rohani menjadi nadi dan tunjang kepada nilai kemanusiaan seseorang manusia. Oleh kerana rohani inilah yang menjadi hiasan kepada akidahnya, akhlaknya, ibadat serta pengabdianya, justeru ia mampu mencetuskan kesedaran dalam batin manusia. Untuk mendapatkan keindahan ‘rohani’ maka usaha itu diserahkan kepada manusia supaya membentuk kerohanianya atau keperibadiannya itu mengikut ‘acuan’ yang telah ditentukan oleh Allah Maha Penciptanya. Ringkasnya, manusia hendaklah meleburkan unsur kerohanianya ke dalam “Acuan Allah” (Haron Din,2015:8). Oleh yang demikian, peningkatan aspek kerohanian sebenarnya membangunkan insan mengikut hakikat asal kejadian manusia itu sendiri. Jelasnya, Islam tidak memandang pembangunan insan seseorang berdasarkan pembangunan dari aspek jasmani semata-mata, bahkan juga merangkumi seluruh aspek rohani, naluri dan akal.

Terdapat empat komponen penting yang menunjangi unsur kerohanian dalam diri seseorang manusia. Pertama adalah hati, hati menurut pengertian rohani ialah sesuatu yang ada dalam diri peribadi manusia yang dianggap sebagai pusat kesedaran batin dan tempat menyimpan pengertian-pengertian dan perasaan-perasaan. Dalam sebuah hadis Nabi SAW bersabda;

Sesungguhnya dalam jasad kasar manusia ada segumpal darah. Jika baik, maka baiklah seluruh penampilan sikapnya. Jika rosak, rosak pula seluruh perangainya, ingat! Itulah “hati”.

(Riwayat al-Bukhari)

Hati yang dimaksudkan dalam hadis di atas bukanlah pengertian benda atau organ fizik tetapi dalam pengertian hati bersifat bukan benda, abstrak, tidak boleh dipegang dan tidak boleh dilihat kewujudannya tetapi hanya boleh dirasakan. Ia merupakan gelombang-gelombang halus atau getaran-getaran rohaniah (Nur Iman Affandi, 2002:164). Hati yang tulus dan ikhlas yang menentukan hakikat diri manusia itu adalah hati yang dapat memahami, mengetahui apa yang melekat padanya dan lingkungan dirinya. Untuk mencapai hati yang bersih dan ikhlas itu memerlukan bimbingan syariat, sehingga terwujud apa yang dicita-citakan. Pengertian hati menurut al-Ghazali (1988:3) bahawa hati adalah bersifat ketuhanan dan rohaniah. Hati ini ialah hakikat manusia yang dapat menangkap segala pengertian, pengetahuan dan arif iaitu manusia yang menjadi sasaran segala perintah dan larangan Tuhan, yang akan disiksa, dicela dan dipertanggungjawabkan segala amal perbuatannya.

Komponen kedua terdiri daripada “roh” yang berasal daripada perkataan Arab mempunyai maksud nyawa, jiwa; sesuatu yang hidup yang tidak berbentuk jasmani, yang berakal dan berperasaan. Al-Ghazali menjelaskan bahawa roh adalah yang halus dari manusia dapat mengetahui segala sesuatu dan dapat menangkap segala pengertian. Roh adalah termasuk urusan yang menakjubkan dan bersifat ketuhanan yang mana akal fikiran manusia tidak berupaya untuk memahami hakikatnya (1988:3). Hakikat roh dalam diri manusia sebenarnya bukanlah urusan manusia, kerana al-Quran menerangkan dengan jelas tentang hakikat roh tersebut. Firman Allah SWT yang bermaksud;

“Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh, Katakanlah: “roh itu dari perkara urusan Tuhan-ku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.”

(Surah Al-Isra;17:85)

Hakikat roh dalam diri individu sudah jelas merupakan urusan Tuhan, manakala akal manusia tidak dapat menjangkau hakikat roh sebenarnya. Sehubungan itu (Nur Iman Affandi: 2002:67) menjelaskan bahawa kewujudan roh agar tetap berada dalam *Lathifah ruhaniyyah rabbaniyyah* (roh halus ketuhanan), memerlukan pendidikan yang seimbang dan selaras dengan ubudiyyah (amalan), sesuai konsekuensi roh yang telah mengenal Tuhananya pada awal penciptaannya, ketika bersaksi bahawa Allah SWT sebagai Tuhananya.

Akal merupakan komponen ketiga yang berkaitan dengan rohani seseorang manusia. Akal berperanan penting dalam kehidupan manusia dan kerananyalah perbuatan manusia dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT. Al-Ghazali menjelaskan bahawa akal ialah pengetahuan tentang segala hakikat sesuatu, yang menangkap segala ilmu. Kadang kala akal itu dimaksudkan dengan sifat orang yang berilmu dan merujuk kepada tempat penemuan segala pengertian (1988:3). Akal sebagaimana roh dan nafsu juga memiliki kecenderungan baik ataupun buruk. Namun, demikian akal yang diberi taklifi, ialah akal rasional atau akal rendah yang berbuat sesuai kudratnya. Manakala komponen keempat terpenting yang berkaitan dengan rohani ialah nafsu atau yang disebutkan dalam al-Quran sebagai *al-nafs*. *Al-Nafs* merupakan salah satu daripada komponen “rohani” manusia yang telah dijadikan oleh Allah SWT sebagai salah satu sumber kekuatan dan keistimewaan yang dimiliki oleh manusia yang tidak ada pada makhluk yang

lainnya. *Nafs* ditinjau dari segi bahasa, berasal dari bahasa Arab, *nafsun* (kata mufrad) jama'nya, *anfus* atau *nufusun* dapat diartikan sebagai ruh, nyawa, tubuh dari seseorang, darah, niat, orang dan kehendak (Mahmud Yunus, 1989:462).

Ibnu Sina turut bersetuju dengan pendapat Plato bahawa “*al-nafs*” itu merupakan “*jauhar*” yang bersifat kerohanian. Beliau turut sependapat dengan Aristotle bahawa jiwa itu dianggap sebagai sifat jisim yang terdiri dari anggota dan bahagian dari segi membiak, membesar dan memerlukan makanan, iaitu apa yang dimakan “*al-nafs al-nabatiyah*” (nafs tumbuhan), atau dari segi kemampuan menanggapi perkara-perkara atau pergerakan yang bersumberkan kemahanan yakni apa yang dipanggil “*al-nafs al-hayawaniyyah*” (nafs kehaiwanan). Ataupun dari segi pemilihan pemikiran dan mengambil kesimpulan menggunakan akal. Inilah yang dinamakan “nafs kemanusiaan”.

Selanjutnya, Mohammad Qayyum A. Badaruddin (2010:40) menjelaskan bahawa nafsu adalah musuh dalam diri. Bahkan ia sebahagian daripada diri manusia. Ia adalah *jismul latif* (*jisim* yang tidak dapat dilihat). Ia sebahagian daripada badan tetapi ia perlu dibuang. Jika tidak dibuang ia menjadi musuh, namun hendak dibuang ia sebahagian daripada diri manusia juga. Oleh kerana itu sangat sulit untuk melawan hawa nafsu. Nafsu adalah jalan bagi syaitan. Ini diterangkan oleh hadis Rasulullah SAW yang bermaksud;

“Sesungguhnya syaitan itu bergerak mengikuti aliran darah, dan aku bimbang syaitan menguasai hati kamu.”

(Riwayat al-Bukhari)

*Al-nafs* ini sebenarnya menjadi tumpuan iblis dan syaitan yang telah mengisyiharkan perang habis-habisan untuk memusnahkan jasmani insan. Inilah yang sewajarnya disedari oleh manusia tentang hakikat permusnahan manusia yang abadi. Perjuangan musuh manusia yang tidak mengenal jemu dan bosan itu akan menyesatkan, menyelewengkan, menipu dan mengelirukan manusia daripada hakikat yang sebenar. Firman Allah SWT dalam al-Quran, maksudnya:

“Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata.”

(Surah az-Zukhruf,43:62)

Penegasan tentang syaitan sebagai musuh hanya sekali berbanding dengan tiga kali pada nafsu. Ini menunjukkan nafsu lebih jahat daripada syaitan. Syaitan dapat jalan dan peluang yang amat luas untuk merosak manusia jika nafsu tidak terdidik. Peluang syaitan untuk merosakkan manusia adalah besar. Sedangkan syaitan itu juga adalah musuh nyata manusia.

Unsur rohani mempunyai tuntutan atau keperluan yang sesuai dengan tabiat kerohanianya. Tuntutan rohani berpunca dari alam ketinggian dan kekudusaan dari sisi Allah SWT; iaitu terangkum pada aqidah, akhlak dan pengabdian; yang tersimpul dalam kalimah: Islam (Haron Din,2015:7). Dalam al-Quran Allah SWT menegaskan bahawa, maksudnya;

Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh daripada (ciptaan-Ku) maka hendaklah kamu sujud kepadanya.

(Surah al-Hijr,15:29)

Oleh itu unsur rohani menjadi nadi dan tunjang kepada nilai kemanusiaan seseorang manusia. Justeru ia mampu mencetuskan kesedaran dalam jiwa manusia. Untuk mendapatkan keindahan ‘rohani’ maka usaha itu diserahkan kepada manusia supaya membentuk kerohanianya mengikut ‘acuan’ yang telah ditentukan oleh Allah Maha Penciptanya. Ringkasnya, manusia hendaklah meleburkan unsur kerohanianya ke dalam “Acuan Allah” (Haron Din,2015:8). Oleh yang demikian, peningkatan aspek kerohanian sebenarnya membangunkan insan mengikut hakikat asal kejadian manusia itu sendiri. Jelasnya, Islam tidak memandang pembangunan insan seseorang berdasarkan pembangunan dari aspek jasmani semata-mata, bahkan juga merangkumi seluruh aspek rohani, naluri dan akal dan nafsu.

Keempat-empat komponen rohani tersebut mempunyai persamaan dari segi ciri asasnya yang berbentuk ketuhanan dan kerohanian serta bersifat halus, wujud pada manusia yang dapat mengetahui dan memahami. Hati, nafsu, roh dan akal merupakan komponen rohani yang mempunyai pengertian yang sama iaitu sebagai agen penggerak dalaman manusia. Istilah-istilah lain ialah batin, dhamir, hati nurani, sukma dan yang berkaitan dengan unsur hidup dalam peribadi manusia yang tidak berbentuk jasmani, yang mempunyai peranan penting dalam menentukan tindak tanduk manusia. Dapat difahami bahawa

kebanyakan istilah *al-nafs* dan *al-aql* sering digunakan para filosof, sedangkan *al-ruh* dan *al-qalb* sering digunakan oleh para sufi. Di dalam al-Quran, *al-ruh*, *al-nafs* dan *al-qalb* digunakan untuk kesedaran manusia.

Unsur kerohanian dalam jasad manusia mempunyai pelbagai nama disebut *al-nafs* dalam konteks keinginan, berkehendak dan berkemahanan. Disebut akal dalam konteks memikir, menimbang, menghuraikan sesuatu sebab dan akibat apabila melakukan perkara yang dibenci. Disebut pula hati dalam konteks emosi seperti sayang, cinta, benci dan sebagainya. Manakala disebut roh kerana dapat menghidup dan mengembangkan keturunan (Nur Iman Affandi,2002:44). Pada hakikatnya, definisi *al-nafs* ini agak sukar difahami dan berbagai definisi yang berbeza telah dikemukakan oleh ahli-ahli falsafah. Plato mendefinisikan *al-nafs* dengan katanya, *al-nafs* itu bukanlah jisim akan tetapi ia merupakan “jauhar” yang mudah dan terang yang menggerakkan badan. Manakala definisi yang diberikan oleh Aristotle adalah sifat bagi jisim tabie yang terdiri dari anggota-anggota.

Bila Allah SWT ciptakan Nabi Adam a.s, Allah SWT masukkan akal dan nafsu dalam tubuhnya. Ketika Adam datang ke bumi, zuriat manusia bertambah maka nafsu dan akal tidak dapat dipisahkan. Kemungkaran yang terjadi di atas muka bumi ini adalah dari nafsu, bukan akal. Mohammad Qayyum A. Badaruddin,(2010:42). Bila akal dan nafsu ada dalam tubuh manusia, maka terjadilah pertentangan di antara satu sama lain. Peperangan nafsu dan akal tidak pernah terhenti, kadang-kadang menang nafsu, kadang-kadang menang akal. Buktinya, bila berhadapan dengan kebaikan, nafsu ajak kepada kejahatan, akal ajak kepada kebaikan. Kalau kita ikut nafsu kita kalah, ikut akal kita menang. Nafsu ini dapat kita jadikan kuda untuk ke syurga. Ada sesetengah orang bila menyebut nafsu, terbayang perkara-kara jahat sahaja. Nafsu itu adakalanya jahat, adakalanya baik. Nafsu akan jadi baik bila dilatih.

Mohammad Qayyum A. Badaruddin (2010:1) menjelaskan bahawa komposisi hati adalah nafsu dan akal yang diuli bersama untuk membentuk kualiti manusia yang kemanusiaan. Nafsu dan akal bagaikan anjing dan kucing, selalu berdolak dalek dalam segala hal. Ketika apa yang hendak dilakukan oleh akal, nafsu selalu menghalang, begitulah juga sebaliknya. Hati diumpamakan sebagai medan pertempuran antara akal dan nafsu. Sebab itulah hati kita sibuk setiap saat selama hayat dikandung badan. Jika nafsu tidak terdidik maka mudahlah jalan syaitan mempengaruhi kita. Oleh kerana itu perangilah nafsu nescaya, secara automatik akan terpengaruhlah syaitan.

Oleh kerana keadaan yang mampu berubah menjadi terdidik dan terkawal, memperlihatkan empat komponen penting rohani memerlukan pemeliharaan dan pengembangan, agar selalu berada dalam keadaan *salam* atau *Islam*. Keadaan ini mesti dibina, agar menjadi jiwa yang bermanfaat bagi kemaslahatan hidup manusia. Rohani mempunyai sisi yang mampu dikembangkan ke suatu tahap yang lebih tinggi. Dalam konteks ini ianya disebut sebagai pembangunan rohani iaitu merujuk kepada proses untuk membangunkan potensi komponen akal, nafsu, hati dan roh bagi mengembangkan potensi insan agar mampu menjalankan tugas dengan baik (Nik Azis Nik Pa, 2007:3). Secara khususnya, pembangunan rohani merujuk aktiviti atau proses membangunkan potensi rohani yang meliputi keempat komponen penting untuk membolehkan komponen berfungsi dengan baik dan mampu digunakan untuk kehidupan. Proses pembangunan rohani ini juga meliputi pemberian keperluan kepada setiap komponen rohani, pembersihan, perlindungan daripada ancaman, latihan pembentukan dan kawalan. Proses ini penting untuk membolehkan komponen rohani menjalankan fungsi yang telah ditentukan (Muhammad Nubli Abdul Wahab,2008:44).

### 1.7 Definisi Operasional

Sejajar dengan maksud kajian yang dikemukakan, kata kunci kajian ini merujuk kepada “peranan”, “raja”, “pembesar” dan juga “*al-nafs*”. Dalam hal ini maksud tajuk kajian iaitu “Peranan Raja dan Pembesar dalam Teks *Bustan al-Salatin* Berdasarkan *Al-Nafs al-Muthma’innah al-Ghazali*” merujuk kepada tugas atau bahagian yang dilakukan oleh raja dan pembesar untuk menjayakan pemerintahan sesebuah negara. Seterusnya tugas dan bahagian yang dimainkan oleh raja dan pembesar dalam teks BS ini pula akan dilihat dengan menggunakan kayu ukur *al-Nafs al-Muthma’innah al-Ghazali* dalam menjalankan sesuatu tugasnya.

Peranan raja dan pembesar dilihat berdasarkan *al-Nafs al-Muthma’innah* penting untuk diketengahkan kerana dalam konteks hubungan dengan Pencipta, bentuk hubungan tersebut tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Dalam konteks hubungan tersebut, pola hubungan raja dan pembesar dengan Penciptanya berada pada strata kedudukan yang paling teratas. Dalam soal hubungan tersebut, semakin rapat hubungan dengan Pencipta, peranan dan tanggungjawab yang digalas oleh raja dan pembesar semakin berkesan. Tanggungjawab lebih bermakna sekiranya setiap yang dilakukan ada ganjaran, ibadat dengan penuh kesedaran sebagai seorang hamba, bertanggungjawab tanpa mengambil kira balasan atau pandangan manusia, tetapi semata-mata

kerana Allah SWT. Dalam ajaran Islam, semua manusia berhak untuk menjalin dan membentuk hubungan yang akrab dengan Penciptanya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Quran, maksudnya;

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Surah al-Hujurat,13:134)

Nyata Allah SWT menjadikan iman dan takwa sebagai kayu ukuran dalam menilai setiap manusia ciptaan-Nya. Kerana hanya takwa yang dinilai di sisi Allah SWT bagi seseorang manusia menempatkan kedudukannya yang paling akrab dengan Penciptanya. Dengan adanya takwa maka setiap diri manusia layak untuk menempatkan diri semakin akrab dengan Penciptanya demi mendapat cinta dan kasih sayang Allah SWT

Oleh kerana persoalan iman dan takwa menjadi ukuran dalam meletakkan kedudukan seseorang manusia semakin akrab dengan Pencipta, untuk itulah perlunya kajian ini melibatkan dari aspek peranan raja dan para pembesar berdasarkan *al-Nafs al-Muthma'innah* dalam merapatkan hubungan dengan Penciptanya. Walaupun dalam sistem pemerintahan sesebuah negara, seseorang raja dan juga para pembesar mempunyai kedudukan yang tinggi dan istimewa berbanding rakyat biasa yang berada pada kedudukan paling bawah, namun di sisi Allah SWT bukanlah kedudukan tersebut yang menjadi jaminan untuk menempatkan seseorang itu mempunyai hubungan yang semakin akrab dengan Pencipta.

Selain itu, dari konteks peranan dan tanggungjawab yang digalas dilihat turut memberi "nilai tambah" kepada golongan raja dan pembesar dalam menjalinkan hubungan yang semakin akrab dengan Penciptanya. Sehubungan itu, Auni Abdullah (1991:36) menerangkan peranan raja menjadi begitu penting di sisi Islam kerana selain melaksanakan tugas khalifah yang semula jadi ditetapkan kepada dirinya, beliau juga dibebankan dengan tugas yang amat berat iaitu untuk mempertahankan negara yang di bawah kekuasaannya. Rasa bertanggungjawab ke atas negara amat ditekankan oleh Islam dan menjadi salah satu teras utama dalam amalan sistem pemerintahan Islam. Negara

wajib dipertahankan daripada sebarang ancaman dalam dan luar yang dapat merosakkan masa depan agama Islam. Dengan kedudukan dan keistimewaan yang telah dimiliki oleh seseorang raja juga para pembesar, meletakkan mereka mempunyai tugas dan tanggungjawabnya dalam mengendalikan pemerintahan negara dengan baik. Oleh itu bagi pihak raja memikul tugas dan peranan dalam melaksanakan amanahnya sebagai pemimpin rakyat.

Peranan dan tugas seseorang raja dilihat amat berat sekali kerana ia merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan seadil-adilnya kerana hala tuju negara yang diperintah itu terletak di tangan mereka. Kedudukan inilah yang menjadikan raja sebagai pemegang kuasa yang tertinggi dalam sistem pemerintahan. Begitu juga dengan golongan pembesar yang menduduki tempat kedua dalam susun lapis sistem politik yang menjadi golongan pentadbir yang membantu raja dalam urusan pemerintahan. Dengan keistimewaan dan kedudukan tersebut, golongan pembesar mempunyai peranan dan tanggungjawab tertentu.

Dapat disimpulkan bahawa adanya raja dan juga para pembesar berserta peranan dan tugas mereka yang tertentu melayakkan mereka menjadi golongan pemerintah yang diberi kepercayaan untuk mentadbir urus hal-ehwal rakyat dan negara. Oleh itu, pendekatan *al-Nafs al-Muthma'innah* al-Ghazali dimanfaatkan sebagai kerangka rujuk dalam mendidik golongan raja dan pembesar supaya memahami status dan fungsinya sebagai pemimpin. Selain itu, *al-Nafs al-Muthma'innah* juga sebagai kayu ukur dalam menilai sesuatu peranan dan tugas akan lebih berkesan sekiranya seseorang raja dapat memahami dengan baik tanggungjawabnya serta mempunyai tahap keimanan yang tinggi dalam jiwa dalam mengendalikan dan mengawal hawa nafsu yang liar.

Hakikatnya, setiap manusia dijelaskan oleh keharmonian jiwanya, maka fokus utama *al-Nafs* ialah nafsu itu sendiri. Oleh sebab kejadian manusia dijadikan oleh Allah SWT dengan memiliki akal dan nafsu yang seterusnya meningkatkan martabat manusia itu sendiri sebagai sebaik-baik ciptaan. Nafsu adalah salah satu penghalang utama kepada seseorang raja dan para pembesar untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya sebagai pemimpin serta untuk beribadat kepada Allah SWT. Nafsu ini perlu ada dalam diri setiap manusia, namun demikian kewujudannya perlulah dididik agar tidak menguasai akal fikiran dan jiwa yang memberi kesan yang buruk terhadap peribadi dan tingkah laku golongan pemimpin. Ini kerana melalui didikan hawa

nafsu dan ammarah inilah yang akan mempengaruhi tingkah laku seseorang raja dan pembesar serta kemampuannya dalam menggalas amanah sebagai pemimpin. Keberkesanan sesuatu peranan yang dilaksanakan oleh seseorang pemimpin adalah bergantung kepada tahap keimanan dalam dirinya. Jika seseorang raja dan pembesar itu lemah imannya, mereka mudah terpengaruh dengan hawa nafsu. Kesannya hawa nafsu akan mempengaruhi jiwanya dalam setiap tindakan, sehingga dapat mengatasi akal yang sihat walaupun seseorang raja dan pembesar itu bijaksana dan arif dalam sesuatu bidang.

## BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai, 1994.
- A. Samad Ahmad, Ed. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Abang Mohd Razif Abang Mus. *Pembangunan Insan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Abu Al-Fida', Ismail bin Kathir. *Tafsir al-Quran al- 'Azim*. Cairo: Mustafa al-Halabi, 1976.
- Abu A'la Al-Maududi, Terj. *Hukum dan Konstitusi Sistem Politik Islam*. Bandung: Mizan, 1990.
- Abu Hassan Sham. "Adakah Hukum Kanun Melaka Mempengaruhi Undang-Undang Melayu Lama Yang Lain." *Dewan Bahasa*. pp. 150. Bil 4 April, 1973.
- Abu Mazaya al-Hafiz, Ed. *Minhaj al-Abidin, Petunjuk Jalan bagi Orang-Orang Ahli Ibadat*. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa, 2014.
- Ahmad Sunawari Long. *Sejarah Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Ahmad Ridha' Hasbullah. *Taqarrub Mendekatkan Diri kepada Allah SWT*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah, 2004.
- Ahmad Daudy. *Allah dan manusia dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*. Jakarta: CV. Rajawali, 1983.
- Akhmad Siddiq, terj. Menyelami Isi Hati. Jawa Barat: Keira Publishing. 2014.
- Al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Cairo: al-Matba'ah al-khairiyah, 1320H.
- Al-Tabrani. *Al-Mu'jam al-Ausat*. (bahan belum bercetak).
- Al-Tirmizi. *Al-Jami'*. Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi, 2790H.
- Al-Baihaqi. *Al-Suna al-Kubra*. Haidar Abad: Darriah al-Ma'arif al-Nidhamaih, 1354H.

- Al-Ghazali. *Ihya Ulumuddin (Menghidupkan Kembali Ilmu-Ilmu Agama)*. Terj. Tk. H. Ismail Yakub. Kuala Lumpur: Victory Ajensi, Jilid 4, 1988.
- Al-Quran, Tajwid dan Terjemahan*. Semenyih: Humaira Bookstor Enterprise, 2010. Andaya, Barbara Watson. "The Nature of The State In Eighteenth Century Perak", dalam Anthony Reid dan Lance Castle, *Pre-Colonial State System in Southeast Asia*, MMBRAS, 1975.
- Auni Abdullah. *Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1991.
- Badrul Bahaman. "Budaya Politik dalam Historiografi Melayu". Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, 2008.
- Braginsky, V.I. *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: KITLV, 1993. *Bustan al Salatin*. Manuskrip Universiti Malaya MS 41.
- Gopinath, Aruna. *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Hamka. *Falsafah Hidup*. Shah Alam: Pustaka Dini, 2009.
- Haron Daud. *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Haron Din. *Tasawwuf Islam*. Shah Alam: Pustaka Hizbi, 1992.
- Haron Din. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid 1, 2015.
- Haron Din. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid 2, 2015.
- Harun Mat Piah et, al. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Edisi ke 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Ibn Majah. Ed. Muhammad Fuad Abdul Baqi. *Al-Sunan, Ibn Majah*. Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi, 1972.
- Ismail Hamid. *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman, 1987.
- Ismail Hamid. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Ismail Yusoff. *Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru*. Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2008.

Jelani Harun tentang “*Undang-Undang 99 Perak: Menara Adab Hubungan Raja dengan Menteri*”. dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 11, 2001

Jelani Harun. *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

Jelani Harun, Ed. *Bustan al-Salatin: Bab Pertama dan Kedua Karangan Nuruddin al-Raniri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

*Kamus Dewan* Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Khalid M. Hussain, Ed. *Tajus al-Salatin*. Bukhari al-Jauhari. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Lutpi Mustafa El-Batnani. *Pertalian Hidup dengan Ketuhanan Allah*. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa, 2007.

M.Donaldson, Dwight. *Studies in Muslim ethics*, London: S.P.C.K.1953.  
Mahdini. *Konsep Negara dalam Thamarat al-Muhimah*. Johor Bharu: Yayasan Warisan Johor, 1999.

Maisir Thaib, Terj. el. Ihya Ulumuddin (Jiwa Agama). Medan: Pustaka Indonesia, Jilid 1, 1973

Mahmud Yunus, *Kamus Bahasa Arab Indonesia*. Jakarta: Hidakarya Agung, 1989

Mana Sikana. *Falsafah dan Seni Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Mohammad Qayyum A. Badaruddin. *Keramat Sekeping Hati*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd. 2010.

Mohd Affandi Hassan. *Kembali Menjadi Manusia Pengurusan dan Pentadbiran dari Perspektif Tauhid*. Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1987.

Mohd Ali Abu Bakar. Kejadian Manusia dan Perjuangan Hidup. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1991.

Mohd Asri Abdullah. *Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam di IPTA: Kajian Terhadap Aspek Objektif dan Realiti Aplikasi*. Shah Alam: Institusi Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan, Universiti Teknologi Mara, 2004.

- Mohd Faizul Hafiz Razak. Pemikiran Ketatanegaraan dalam *Nasihat al-Muluk* karya Imam al-Ghazali. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, 2006.
- Mohd Hanif Tuaman. *Falsafah dan Pemikiran Masyarakat Melayu dalam Perumpamaan: Satu Perbincangan Kritis*. 1993.
- Mohd. Kamal Hassan. "Pemikiran Politik Islam", dalam *Dasar Ilmu Politik*. ed. Y. Mansoor Marican. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. "Pemikiran Politik Melayu Tradisi: Satu Kajian Berdasarkan Cerita Penglipur Lara Melayu". Tesis Sarjana. Universiti Malaya, 1999.
- Mohd Nakhaie Ahmad. *Di Bawah Naungan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Muamalat Islam Malaysia, 1998.
- Mohd Nasir Omar. *Falsafah Etika: Perbandingan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, 1986.
- Mohd Rasyad Shamsuddin. *Empat Khalifah Agung Setelah Rasulullah SAW*. Batu Caves: Al Hidayah Publications, 2014.
- Mohd Rasyid Md. Idris. "Falsafah Bahasa: Nilai dan Etika dalam Pantun". Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2007.
- Mohd Taufik Abdullah. "The Islamic Political Tradition in Malay", dalam Anthony Reid, Ed. *The Making of an Islamic Political Discourse in Southeast Asia*. Monash Papers on Southeast Asia, 1993.
- Mohd Zaini Yahya. *Kisah Hidup Lapan Ahli Zuhud*. Batu Caves: Pustaka Ilmi, 2000.
- Muhammad Abul Quasem. *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethics in Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975.
- Muhammad Nubli Abdul Wahab. *Pembangunan Insan: Pendekatan Personaliti Kontemporari*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang, 2008.
- Muhammad Salleh. *Taj al-Salatin (Mahkota raja-raja)*. Johor Bharu: Yayasan Warisan Johor, 2001.
- Muhammad Syukri Salleh. *Pembangunan Berteraskan Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti, 2008.

- Muhammad Yusoff Hashim. *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Muslim. Ed. Muhammad Fuad Abdul Baqi. *Sahih, Muslim*. Cairo: Matba'ah 'Isa al-Halabi, 1955M.
- Mustafa Mohd Isa. *Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors, 1999.
- Nik Azis Nik Pa. "Harapan dan Cabaran dalam Pembangunan Manusia", dalam *Pembangunan Insan: Aspirasi dan Realiti*. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah, 2007.
- Noraidah Jaafar. *Falsafah dan Pemikiran dalam Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Kritis*. 1993.
- Nor Hayati Abu Bakar. "Manuskrip *Bustan al-Salatin*: Satu Kajian Bab Kelima Mengenai Segala Raja yang Zalim dan Wazir yang Aniaya serta Khianat". Tesis Sarjana Muda. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 1993/1994.
- Noor Siyah Salleh. Aksiologi dalam Kitab *Tajus al-Salatin*". dalam *Jurnal Falsafah dan Logika Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Nur Iman Affandi. *Membersih Jiwa Dari Sifat Mazmumah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2002.
- Pasukan Penyelidik UTM. *Program Pembangunan Pelajar di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2005.
- Pauzi Awang."Tasawuf: Beberapa Teori Mengenai Asal-Usul perkataan Tasawwuf". *Medium*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Bil 1,1988.
- Rahim Syam dan Norhale. *Mendekati Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1985.
- Rogayah A.Hamid, et. al, (peny.). *Kesultanan Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Rohayu Mat Rani. "Sifat dan Peranan Raja dan Pembesar dalam naskhah *Hukum Kanun Pahang*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia, 2013.

- Rozita Che Rodi. "Bustan al-Salatin Karya Nuruddin: Pelopor Memartabatkan Bahasa Melayu Bahasa Asia Tenggara", dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX, 2015.
- Salim Bahreisy, Terj. *Sumber Kekuatan Islam*. Surabaya: Penerbit Pt. Bina Ilmu, 1980.
- Shah Rul Anuar Nordin. "Konsep Kepimpinan Melayu Islam di Nusantara Menurut Teks *Bustan al-Salatin*, dalam Kertas prosiding ke 2 International Islamic Heritage Conference, 2017.
- Shah Rul Anuar Nordin. "Pemikiran Politik Islam di Aceh pada abad ke 17M: Kajian Perbandingan antara Kitab *Taj al-salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*". Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.
- Siti Hawa Salleh, peny. *Bustan al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Islam dan Sekularisme*. Bandung: Pustaka, Perputakaan Salman ITB, 1981.
- Syed Mahadzir Syed Ibrahim. *Imam al-Ghazali, Umpama Lautan Tidak Bertepi*. Seri Kembangan: Green Dome, 2014.
- Teuku Iskandar. *Bustan al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966.
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1982.
- Tardjan Hadidjaja. *Adat Raja-Raja Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
- Tun Suzana Tun Othman. *Ketuanan Islam dan Pertuanan Raja-Raja Melayu*. Kuala Lumpur: Media Satria Sdn. Bhd, 2008.
- Tun Suzana Tun Othman. *Menjejaki Warisan Melayu Islam Beraja*. Kuala Lumpur: Media Satria Sdn. Bhd, 2008.
- Wan Abdul Kadir wan Yusuf. *Tradisi dan Perubahan Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami, 1993.
- Yaakob Isa. *Hukum Kanun Pahang Manusrip Agung Negeri Pahang*. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang, 2003.

- Yaakob Isa. "Hukum Kanun Pahang". Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu VI, Hotel Vistana Kuantan, Pahang. 2005.
- Yap Beng Liang. "Stratifikasi Sosial dan Masyarakat Melayu", dalam *Masyarakat Melayu, Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. ed. Mohd Taib Osman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Yusoff Iskandar, et. al. *Sejarah Melayu: Satu Pembicaraan Kristis dari pelbagai Bidang*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Book Asia Ltd, 1977.
- Yusuf al-Qaradawi. *Ummatuna Bain Qarnain*, cet. 1, Kaherah: Dar al-Syuruq, 2000.
- Zainal Abidin Borhan, et.al. *Warisan Persuratan Johor*. Johor Bharu: Yayasan Warisan Johor. 1997.
- Zainal Abidin Borhan, et.al. *Warisan Persuratan Johor II*. Johor Bharu: Yayasan Warisan Johor. 1999.
- Zainal Abidin Borhan. "Struktur dan Organisasi Politik Melayu Tradisi: Satu Telaah dari *Adat Raja-Raja Melayu*." Seminar Kesusasteraan dan Undang-Undang, Universiti Putra Malaysia, Kuala Lumpur. 2001.
- Zakaria Stapa. 'Kualiti Kehidupan Kerohanian Masyarakat Muslim Malaysia dalam Menghadapi Cabaran Abad ke-21". dalam *Cabaran Islam di Abad ke-21*. Kuala Terengganu: Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan, Yayasan Islam Terengganu, 1999.
- Zulekha Yusof. *Falsafah Alam Tabii dalam Islam: Satu Analisis tentang Sains Mengikut al-Quran*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya,1992.
- Zulhilmi Paidi. *Pendidikan Negara Bangsa*. Bentong: PTS Publications, 2003.